

KEBAWAH DYMM SELAMAT JALANI PEMBEDAHAN



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah selamat menjalani prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan (Right Total Knee Replacement) di Jerudong Park Medical Centre (JPMC). - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (*Lihat muka 3*).

Bermunajat memohon keafiatan Kebawah DYMM

■ Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari. - Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, dan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus diadakan malam tadi di Istana Nurul Iman sebagai

kesinambungan kepada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, dan Doa Khas yang diadakan pada malam Khamis, 15 Januari 2026 di seluruh negara.

>> Muka 4

Usaha memperkuat ekosistem digital serantau

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari.
- Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia
Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji
Mustapha, mengetuai delegasi Negara Brunei
Darussalam (NBD) pada Mesyuarat
Menteri-menteri Digital ASEAN Ke-6 (ADGMIN)
dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang
diadakan pada 15 hingga 16 Januari 2026 di Ha
Noi, Republik Sosialis Viet Nam.

Mesyuarat ADGMIN Ke-6 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan dirasmikan oleh Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh.

Mesyuarat ADGMIN Ke-6 dipengerusikan oleh Menteri Sains dan Teknologi Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Manh Hung bersama Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi NBD sebagai Naib Pengerusi ADGMIN Ke-6.

Bertemakan 'Adaptive ASEAN: From Connectivity to Connected Intelligence', mesyuarat ini menyediakan platform strategik bagi Menteri-menteri Digital ASEAN untuk membincangkan usaha memperkukuh ekosistem digital serantau, meningkatkan kepercayaan digital, serta memanfaatkan teknologi baharu bagi memvokong

pembangunan yang inklusif dan mampan di seluruh rantau ini.

Semasa mesyuarat, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menegaskan bahawa walaupun keterhubungan telah lama menjadi asas strategik ASEAN, rantau ini kini perlu bergerak ke arah *connected intelligence*, di mana keterhubungan digital diperkuatkan melalui data, analitik dan sistem pintar bagi menyokong pembuatan keputusan yang lebih tepat, penyampaian perkhidmatan awam yang lebih responsif, serta penyelarasan serantau yang lebih kukuh.

>> Muka 7



Berita Utama



HIKMAH, pengajaran Israk Mikraj menjadi panduan hidup

Muka 8



MPM Serasa kenali tradisi, produk 1K1P Kampung Jerudong 'B'

Muka 12



PPDB bongkar aktiviti sindiket penyewaan akaun bank

Muka 19



BERSAMA mengimarahkan masjid

Мука 20

ABDB perlu peka terhadap perubahan landskap geopolitik dan ancaman keselamatan moden

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmaanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een,
Waba'du.

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini bagi Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB).

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi tahniah dan syabas kepada Pegawai-pegawai Kadet di atas mutu persembahan perbarisan yang kemas dan penuh bersemangat sebentar tadi.

Alhamdulillah, seramai 50 Pegawai Kadet akan ditauliahkan pada kali ini, termasuk penyertaan antarabangsa daripada Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Bersenjata Republik Singapura dan buat julung kalinya daripada Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Peningkatan penyertaan dari Angkatan Tentera serantau ini mencerminkan pengiktirafan terhadap kualiti latihan yang disampaikan dan telah mengangkat kredibiliti Sekolah Pegawai kadet di rantau ini. Syabas kepada Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB.

Dalam usia AP ABDB baharu mencapai 15 tahun, Saya amat berbangga menyaksikan pencapaian yang

telah diraih.

Antaranya ialah penganugerahan Ijazah Sarjana dalam Pengajian Pertahanan dan Sekuriti (Master of Defence and Security Studies) kepada peserta kursus Maktab Turus ABDB Siri Ke-15 bagi tahun 2025, yang buat pertama kalinya dianugerahkan melalui kerjasama AP ABDB dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pencapaian signifikan ini mencerminkan kemajuan pendidikan ketenteraan ABDB yang seiring dengan aspirasi negara untuk melahirkan rakyat berkemahiran dan berpendidikan tinggi sebagai salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035.

Saya juga sukacita mengambil maklum mengenai perancangan Akademi Pertahanan bersama UBD untuk seterusnya memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Pertahanan dan Sekuriti (Bachelor of Defence and Security Studies) sebagai pendidikan asas bagi semua Pegawai Muda ABDB.

Pelaksanaannya bermula dari Sekolah Pegawai Kadet hingga ke semua kursus Perkembangan Pangkat Level Leftenan dan Kapten, sehingga lulus Kursus Staf Pertengahan sebagai kursus kemuncak dalam mengutip mata modul akademik Ijazah Sarjana Muda.

Melalui konsep Pendidikan Sepanjang Perkhidmatan ini, saya yakin pegawai-pegawai ABDB akan dapat mempertingkatkan kebolehan dalam memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan strategi, diplomasi pertahanan dan keselamatan serantau, selaras dengan hala tuju yang digariskan di dalam Kertas Putih

Pertahanan 2021 dan Gagasan Angkatan 2035.

Seiring dengan usaha mempertingkatkan pembangunan profesionalisme, saya juga difahamkan bahawa kemaskini Kertas Putih Pertahanan 2021 sedang giat dilaksanakan dan akan dilancarkan di Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-65 tahun ini, InsyaaAllah.

Saya yakin pengemaskinian tersebut akan memperkukuhkan lagi keupayaan negara dalam menghadapi *new emerging security challenges* cabaran keselamatan masa hadapan secara lebih strategik, fokus dan bersepadu.

Namun pada hemat saya, selain memiliki pendidikan dan pengetahuan yang tinggi, ABDB hendaklah sentiasa peka terhadap perubahan landskap geopolitik dan ketenteraan masa kini yang semakin dinamik dan mencabar.

Peperangan moden bukan sahaja tertumpu kepada darat, laut dan udara semata-mata, bahkan turut merentasi domain angkasa, siber dan maklumat.

Ancaman seperti serangan siber, pencerobohan rangkaian serta penyebaran maklumat palsu dan ditambah lagi dengan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) mampu menggugat keselamatan negara.

Oleh itu, sinergi kekuatan sumber tenaga manusia dan teknologi tetap menjadi keutamaan dalam menghadapi ancaman ini.

Sehubungan dengannya, pada hemat saya, Dasar Pertahanan Siber Kementerian Pertahanan perlu sentiasa diperkukuhkan melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi keselamatan negara dalam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenaan mengurniakan sabda bersempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-24 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan ABDB di Padang Kawad Akademi Pertahanan ABDB Kampung Tanah Jambu pada Khamis, 15 Januari 2026.

mencegah, mengesan dan menangkis sebarang bentuk ancaman siber dari dalam mahupun luar negara, melalui pendekatan Whole of Government.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	ISNIN	29	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	SELASA	1 SYAABAN	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
21	RABU	2	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
22	KHAMIS	3	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	JUMAAT	4	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.41
24	SABTU	5	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	AHAD	6	5.04	5.14	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Pekan Bangar			
31 23 °C	30 23 °C	30 23 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	30 24 °C	30 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 19 JANUARI 2026

Teladani peristiwa Israk Mikraj

PERISTIWA Israk Mikraj merupakan salah satu mukjizat agung yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Peristiwa yang berlaku dalam satu malam ini bukan sekadar kisah perjalanan luar biasa baginda Rasulullah dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, seterusnya naik ke Sidratul Muntaha, malah mengandungi pengajaran yang amat besar untuk diteladani oleh umat Islam sepanjang zaman.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini bukan sahaja satu cerita atau sejarah yang hanya dibaca dan didengar, malah ia adalah untuk kita ambil iktibar dan teladan daripadanya agar jiwa umat Islam semakin mantap dan akan dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

Antara perkara terpenting dalam peristiwa Israk Mikraj ialah kewajipan menunaikan solat lima waktu. Solat merupakan anugerah langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam tanpa perantaraan, sekali gus menunjukkan kedudukan solat yang sangat tinggi dalam Islam.

Solat bukan sekadar ibadah ritual, bahkan menjadi tiang agama, penghubung antara hamba dengan Penciptanya, serta benteng yang mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. Oleh itu, umat Islam hendaklah meneladani peristiwa ini dengan menjaga solat, menunaikannya tepat pada waktu, serta menghayati maknanya dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, solat tidak boleh diremeh-remehkan seperti juga tidak boleh menurut hawa nafsu melakukan maksiat kerana meremehkan solat itu adalah dicela oleh Allah Subhanahu Wata'ala, mereka itu adalah golongan yang sesat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Mariam ayat 59 yang tafsirnya, "*Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu dengan melakukan maksiat, maka mereka akan menghadapi azab dalam neraka.*"

Selain itu, peristiwa Israk Mikraj turut mengajar kita tentang kepentingan iman yang kukuh. Ketika peristiwa ini disampaikan kepada masyarakat, tidak semua dapat menerimanya dengan mudah. Namun para sahabat yang benar-benar beriman membenarkannya tanpa ragu. Ini mengingatkan kita agar sentiasa yakin dengan kekuasaan Allah, walaupun sesuatu perkara itu sukar difahami oleh akal manusia.

Secara kesimpulannya, peristiwa Israk Mikraj ini bukan sahaja diraikan pada setiap tahun, tetapi untuk dijadikan panduan sepanjang hidup kita. Dengan mengambil pengajaran daripada peristiwa ini dan mengamalkannya dalam kehidupan harian, kita dapat menjadi insan yang lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM selamat jalani pembedahan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta ahli-ahli kerabat berkenan menerima junjung ziarah di Jerudong Park Medical Centre (JPMC) (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini selamat menjalani prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan (Right Total Knee Replacement) di Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta ahli-ahli kerabat diraja di JPMC dijunjung oleh Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan

Menteri.

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu Pengumuman Khas telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan disampaikan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji

Othman; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Dalam Pengumuman Khas berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II telah memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat menjalani prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan memaklumkan bahawa, berikutan dengan prosedur pembedahan berkenaan, Kebawah DYMM berada dalam keadaan kesihatan yang stabil dan baik. Pada masa ini, baginda sedang bersemayam beristirahat di bawah pemantauan pasukan perubatan. Seterusnya, adalah fasa pemulihan termasuklah sesi fisioterapi.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II selanjutnya memaklumkan bahawa sepanjang tempoh fasa pemulihan Kebawah DYMM,

baginda akan terus menjalankan tugas-tugas rasmi dalam tempoh berkenaan dan keberangkatan baginda dalam majlis-majlis kenegaraan dan rasmi adalah tertakluk kepada keadaan baginda dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga menyatakan bahawa sambutan orang ramai, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya di dalam dan luar negara dalam acara - acara keagamaan termasuk Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang telah diadakan di seluruh negara sangatlah bermakna dalam sama-sama merafakkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna, dan keafiatan yang berpanjangan kepada raja yang dikasihi.

Pengumuman Khas berkenaan ditutup dengan bacaan Doa Khas oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah DYMM.



PADA menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu Pengumuman Khas telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kanan).



BERMUNAJAT MEMOHON KEAFIATAN KEBAWAH DYMM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta ahli-ahli kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, dan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menjalani rawatan kesihatan yang telah dirancang awal pada Ahad, 28 Rejab 1447 bersamaan 18 Januari 2026.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama ahli-ahli kerabat diraja berkenan berangkat pada majlis tersebut (atas).



DOA Khas dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta ahli-ahli kerabat diraja.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta ahli-ahli kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, serta isteri masing-masing.

Juga yang hadir ialah Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, dan Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap serta isteri masing-masing.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah serta Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, diikuti dengan membaca Surah Yaa

Siin dan seterusnya bacaan Doa Khas bagi mendoakan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan kepimpinan baginda yang berwibawa dan bijaksana bagi keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat.

Azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar Ali Saifuddien, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta kerabat diraja menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, dan Doa Khas tersebut diadakan untuk mendoakan agar prosedur rawatan baginda berjalan dengan lancar dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi mengurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna, dan keafiatan yang berpanjangan. Kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kiri sekali).

INSTITUSI KELUARGA KUKUH ASAS UTAMA MEMBENTUK SAHSIAH ANAK-ANAK

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 17 Januari. - Pembangunan modal insan cemerlang adalah bermula daripada institusi keluarga yang kukuh sebagai asas utama dalam membentuk keperibadian, akhlak dan sahsiah anak-anak.

Menyedari hakikat ini, usaha mengukuhkan institusi keluarga hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian semasa Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, hari ini.

"Perkara ini seiring dengan titah paduka ayahanda pada Sambutan Mauludir Rasul bagi Tahun 1447H yang menekankan : 'Keluarga yang dibangun berdasarkan keimanan, ketakwaan dan cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan membentuk kepada keluarga yang penuh dengan ketenangan, kasih sayang dan rahmat'," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya bersabda, paduka ayahanda turut mengingatkan bahawa setiap daripada kita adalah pemimpin yang akan dipertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya.

Oleh itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, adalah menjadi keutamaan mutlak untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berakhlak mulia dan jauh daripada sebarang gejala buruk khusus di zaman penuh cabaran ini.

"Adalah menjadi azam bersama untuk menjadikan institusi keluarga masing-masing sebagai keluarga yang diberkati mengikut acuan keluarga Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Kejayaan kita membentuknya adalah juga antara pemangkin kepada pencapaian matlamat Wawasan Negara 2035," sabda DYTM.

Terdahulu, DYTM bersabda merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita berpeluang berhimpun untuk memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj; iaitu peristiwa luar biasa yang mengangkat martabat Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pedoman besar kepada seluruh umat manusia.

Di sebalik peristiwa tersebut, sabda DYTM, tersirat perintah

yang amat agung kedudukannya, iaitu kewajipan sembahyang fardu lima waktu dalam mana Allah Azza Wajalla mensyariatkannya secara langsung kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda naik ke Sidratul Muntaha yang menandakan betapa tingginya martabat sembahyang sebagai tiang ugama dan asas keteguhan akhlak umat Islam.

DYTM seterusnya bersabda menyentuh tema sambutan pada tahun ini, 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang', amat bertepatan dengan tuntutan pembangunan negara.

Sabda DYTM, sesungguhnya kecemerlangan seseorang insan tidak hanya diukur melalui kekuatan fizikal atau kecerdikan akal semata-mata tetapi turut bertunjangkan keteguhan spiritual, keluhuran akhlak serta disiplin diri. Nilai-nilai ini terbina melalui sembahyang yang dijaga dan dilaksanakan dengan penuh khusyuk.

Dalam sabda DYTM juga menyentuh firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minin, ayat 1 hingga 2 yang bermaksud : *"Sesungguhnya berjaya lah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka"*.

"Hakikat ini menegaskan bahawa kualiti sembahyang adalah asas kejayaan manusia sepertimana pertautannya dengan titah paduka ayahanda semasa Sambutan Israk dan Mikraj 1446H yang lalu : 'Hati dan minda orang sembahyang tidak ke mana-mana, melainkan hanya kepada Allah semata-mata,



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada majlis berkenaan.

menjadikan hati dan minda orang sembahyang itu pasti bersih, tenang dan sihat'.

"Oleh itu, hanya minda yang sihat dan cerdas sahaja yang mampu membuat pertimbangan antara perkara baik dan buruk," sabda DYTM.

Sabda DYTM lagi, inilah ciri-ciri penting bagi pembentukan kecemerlangan modal insan yang seimbang; bukan sahaja cemerlang dalam akademik atau kemahiran teknikal tetapi turut disempurnakan dengan kerohanian yang kukuh, akhlak yang luhur dan integriti yang tinggi.

Dalam tradisi Brunei, sabda DYTM, modal insan yang unggul ialah insan yang berilmu, beradab, beragama dan berakhlak mulia.

Dalam mengakhiri sabda, DYTM mengingatkan semua agar mengambil *tabarruk* daripada peristiwa agung Israk dan Mikraj serta meneladani akhlak dan ketabahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperteguh hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala melalui kesempurnaan ibadah sembahyang dan mendoakan agar kita dikurniakan kejayaan dan kebahagiaan di dunia serta akhirat.

Berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 17 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah.

Majlis tersebut berlangsung di

Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, pagi tadi, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Duli Yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah. Turut berangkat ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri dan atas).

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari

Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447H; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof serta ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Majlis sambutan Israk dan Mikraj tersebut dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Suci Al-Quran, Surah Al-Isra', ayat 78 hingga 85 oleh Pegawai Pelajaran Tarannum, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, manakala Tadabbur pula disampaikan oleh Setiausaha Pertama, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit.

>> Muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menadah tangan semasa doa dibacakan (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 5

Sejurus selepas itu diikuti dengan sembah alu-aluan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat antara lain menyambatkan bahawa sambutan yang dianjurkan berkenaan adalah bertemakan 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang'.

Ia, jelas Yang Berhormat, juga selaras dengan signifikan peristiwa bersejarah Nabi Muhammad junjungan kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diisrakkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya, ayat pertama Surah Al-Isra', kemudian dari Masjid El-Aqsa, Baginda dimekrajkan sampai ke Sidratul Muntaha.

"Maka dengan itu penganjuran sambutan dan peringatan adalah merupakan ruang yang luas untuk meraih pengajaran dan memanfaatkannya bagi menambahkan pengetahuan dan kefahaman dalam mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Terutama sekali dalam konteks dasar dan program kerajaan seperti usaha yang berterusan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, yang cemerlang melalui pendidikan dan sebagainya.

"Maka ibadat sembahyang yang merupakan perbuatan untuk dilaksanakan dengan sempurna

adalah pendidikan atau latihan untuk seseorang bekerja, berusaha dengan rajin dan tekun," sembah Yang Berhormat lagi.

Dalam ajaran Islam, hal yang sedemikian itu sembah Yang Berhormat, dihubungkan dengan nilai atau mutu seseorang yang dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat kasih sayang-Nya, iaitu sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, hadis Riwayat Tabrani serta Surah An-Najm ayat 13 hingga 18.

Sembah Yang Berhormat, dengan demikian hadis Baginda itu adalah merujuk juga kepada melahirkan modal insan yang berjaya dengan cemerlang menerusi rajin dan tekun mengerjakan suruhan dan melaksanakannya dengan sempurna iaitu melalui amal ibadat sembahyang yang dilaksanakan dengan sempurna.

Yang Berhormat seterusnya menyambatkan dalam konteks orang yang berjaya pula sembahyang itu juga jadi ukuran nilai atau mutu bagi menentukan seseorang itu orang yang akan berjaya dan sedang beroleh kejayaan cemerlang.

Yang Berhormat juga menyentuh, firman Allah Subhanahu Wata'ala, di awal Surah Al-Mu'minin jelas sekali menyebutkan sebagaimana tafsirnya: "Sesungguhnya berjaya ialah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka".



Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda.

Majlis diteruskan dengan persembahan Selawat Badriyyah oleh gabungan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), KHELN, Kementerian Kesihatan dan Progresif Sdn. Bhd. diikuti dengan persembahan khas iaitu Kalam Jama'ie oleh pelajar - pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.

Kemudian, ini diikuti dengan ceramah khas bertajuk

'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' disampaikan oleh penceramah undangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dato' Dr. Haji Mohd. Izhar Ariff bin Mohd. Kashim.

Bagi memberi majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Tema Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah ialah 'Sembahyang

Teras Modal Insan Cemerlang' dan dikendalikan bersama oleh KHEU, KHELN, Kementerian Kesihatan dan Progresif Sdn. Bhd.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan sembah alu-aluannya.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar (atas). Manakala gambar kiri, bawah dan bawah kiri, antara persembahan yang diadakan pada majlis berkenaan.



SUASANA pada majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (atas dan atas sekali).

USAHA MEMPERKUKUH EKOSISTEM DIGITAL SERANTAU



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Mesyuarat Menteri-menteri Digital ASEAN Ke-6 (ADGMIN) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang diadakan pada 15 hingga 16 Januari 2026 di Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam.

>> Muka 1

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa evolusi ini selaras dengan keutamaan kolektif ASEAN, termasuk Pelan

Induk Digital ASEAN, Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN, serta kemajuan infrastruktur awam digital sebagai asas kepada pertumbuhan dan kepercayaan

digital.

Mesyuarat ini juga menandakan pelancaran rasmi Pelan Induk Digital ASEAN 2030 (ADM 2030) yang akan menetapkan hala tuju strategik ASEAN dan membimbing usaha kolektif rantau ini dalam memajukan penyesuaian digital bagi tempoh lima tahun akan datang.

ADM 2030 menetapkan visi yang beraspirasi tinggi untuk menjadikan ASEAN sebagai komuniti digital yang inklusif, dipercayai dan inovatif, yang

WILKGAMES dari NBD menerima Anugerah Perak di bawah Kategori Kandungan Digital bagi produk digital mereka, 'Tikus Tales'.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

memperkasa rakyat serta perniagaan untuk berkembang maju dalam ekonomi digital global.

ADM 2030 juga berhasrat untuk memajukan penyesuaian digital secara berterusan, mempercepatkan pendigitalan yang sedang dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi keperluan masa hadapan, serta mengukuhkan peralihan digital yang mampan melalui rangka kerja dasar yang diselaraskan, kerjasama teknikal dan inisiatif pembangunan kapasiti.

Mesyuarat ini seterusnya meluluskan 17 projek digital ASEAN untuk dilaksanakan pada tahun 2026. Projek-projek yang diselaraskan oleh NBD ialah: Rangka Kerja Pembangunan Kemahiran AI ASEAN; Infrastruktur Perdagangan Digital ASEAN (Fasa 2); Peta Hala Tuju Kerjasama ASEAN mengenai Keselamatan Dalam Talian; dan Anugerah Digital ASEAN 2027.

ADGMIN Ke-6 turut merangkumi penglibatan bersama Rakan Dialog dan Pembangunan ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Republik India, Amerika Syarikat, serta Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), bagi mengukuhkan kerjasama dan perkongsian dalam memajukan keutamaan digital ASEAN di peringkat serantau dan global.

Pada Anugerah Digital ASEAN 2026, WilkGames dari NBD menerima Anugerah Perak di

bawah Kategori Kandungan Digital bagi produk digital mereka, 'Tikus Tales', iaitu sebuah permainan platform 3D yang dihasilkan oleh studio pembangunan permainan bebas yang berpangkalan di NBD dan menggabungkan pengaruh Asia Tenggara dengan daya tarikan global.

Pencapaian ini mencerminkan keupayaan serta kreativiti yang semakin berkembang dalam kalangan pembangun kandungan digital tempatan Brunei Darussalam dan pengiktirafan mereka yang semakin meningkat di peringkat serantau.

Sebelum Mesyuarat ADGMIN Ke-6 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, pegawai kanan dari Negara-negara Anggota ASEAN bersidang dalam Mesyuarat Pegawai Kanan Digital ASEAN Ke-6 (ADGSOM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang diadakan bermula 12 hingga 14 Januari 2026.

NBD diwakili oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, dalam kapasiti beliau sebagai Ketua ADGSOM Brunei.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar bersama pegawai-pegawai kanan dari MTIC dan AITI.



Sembahyang asas pembentukan jati diri Muslim

BERAKAS, Sabtu, 17 Januari. - Sembahyang bukan sahaja merupakan kewajipan utama dalam Islam, malah menjadi penanda aras tertinggi keimanan dan kekuatan rohani seseorang Muslim.

Individu yang mendirikan sembahyang dianggap menegakkan agama, manakala meninggalkannya seolah-olah meruntuhkan tiang asas Islam itu sendiri.

Sehubungan itu, bertepatan dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah, 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang', tema ini menekankan peranan sembahyang sebagai asas penting dalam pembinaan insan yang berdisiplin, berakhlak mulia, berintegriti tinggi serta memiliki jati diri Muslim yang kukuh.

Pensyiaran sembahyang fardu lima waktu merupakan satu keistimewaan dalam Islam apabila ia

diperintahkan secara langsung oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa peristiwa agung Israk dan Mikraj di Sidratulmuntaha.

Keistimewaan ini membezakan sembahyang daripada ibadah lain serta menegaskan kedudukannya sebagai teras utama ajaran Islam, bukan sekadar ibadah ritual tetapi asas pembentukan peribadi Muslim yang seimbang dari segi rohani, akhlak dan disiplin diri.

Dari sudut pembentukan disiplin, sembahyang lima waktu berfungsi sebagai sistem pengurusan masa yang berkesan dalam kehidupan seharian. Penetapan waktu sembahyang melatih umat Islam agar menghargai masa, hidup secara teratur serta berdisiplin, di samping mencerminkan kepatuhan terhadap peraturan dan tanggungjawab melaksanakan amanah.

Selain itu, amalan sembahyang yang dilaksanakan dengan penuh penghayatan mampu memupuk akhlak mulia dan integriti dalam diri seseorang. Sembahyang berupaya mencegah perbuatan keji dan mungkar serta membentuk nilai amanah, kejujuran, disiplin dan rasa malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hal ini, akhlak mulia dan ketakwaan menjadi ukuran utama kecemerlangan insan, mengatasi pencapaian material dan akademik semata-mata.

Dalam menghadapi cabaran dan tekanan kehidupan moden, sembahyang turut berperanan sebagai terapi jiwa dan emosi yang berkesan. Amalan sujud menjadi medan komunikasi rohani antara hamba dan Pencipta, sekali gus melahirkan ketenangan, keredakan serta kekuatan dalaman. Oleh itu, penjagaan sembahyang secara konsisten berfungsi sebagai pelindung kesihatan mental dan emosi.

Sembahyang juga berperanan penting dalam mengukuhkan jati diri Muslim. Individu yang menjaga sembahyang didapati lebih berdaya tahan terhadap pengaruh budaya melalaikan serta gaya hidup yang bercanggah dengan nilai Islam.

Jati diri yang kukuh ini seterusnya melahirkan insan yang mampu berperanan aktif dalam pembangunan masyarakat dan negara secara beretika serta berpaksikan syariah.

Penekanan terhadap pendidikan sembahyang sejak usia awal

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

turut diberi perhatian dalam Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan kepentingan mendidik anak-anak agar mendirikan sembahyang sejak usia tujuh tahun, sekali gus membuktikan sembahyang sebagai asas pembentukan sahsiah dan akhlak mulia sejak peringkat awal kehidupan.

Secara keseluruhannya, sembahyang merupakan satu sistem pendidikan menyeluruh yang membentuk insan berdisiplin, berakhlak, berintegriti serta sejahtera dari segi rohani dan jasmani.

Sempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj, umat Islam diseru agar menjadikan sembahyang sebagai nadi kehidupan dalam apa jua keadaan, demi melahirkan modal insan cemerlang yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala dalam Ceramah Khas yang disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dato Dr. Haji Mohd. Izhar Ariff bin Mohd. Kashim pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, turut menyentuh mengenai tiga perkara iaitu menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, pentingnya memelihara perpaduan dan meningkatkan ilmu



CERAMAH Khas telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dato Dr. Haji Mohd. Izhar Ariff bin Mohd. Kashim (atas), sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada acara tersebut.

pengetahuan.

Dalam ceramah tersebut, beliau berkongsi, sehabat mana pun seseorang tersebut hendaklah memelihara *habluminallah* *habluminannas*, meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang sains dan teknologi dan kepentingan untuk setiap Muslim bersatu padu terutama untuk melahirkan generasi akan datang yang cemerlang dan mempraktikkan sifat tolong-menolong.



HIKMAH, PENGAJARAN ISRAK MIKRAJ MENJADI PANDUAN HIDUP



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MADANG, Ahad, 18 Januari. - Peristiwa agung Israk dan Mikraj, mukjizat besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mempunyai kedudukan istimewa dalam sejarah Islam.

Peristiwa berkenaan bukan sekadar perjalanan luar biasa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, malah mengandungi pelbagai hikmah dan pengajaran mendalam yang menjadi panduan kepada kehidupan umat Islam.

Melalui penghayatan peristiwa Israk dan Mikraj, ianya dapat memperkukuhkan lagi kefahaman terhadap agama, meningkatkan kualiti ibadah, dan menjadikan solat sebagai asas pembentukan

akhlak serta kesejahteraan diri, keluarga, dan masyarakat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri, semasa menyampaikan tazkirahnya yang bertajuk 'Hikmah di Sebalik Peristiwa Israk dan Mi'raj' pada Majlis Ceramah Khas sempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj 1447H / 2026M yang berlangsung awal pagi tadi, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir ialah Timbalan Menteri

(Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Juga hadir ialah para penasihat, Ahli Jawatankuasa Takmir, serta para jemaah majlis.

Majlis berkenaan turut diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Penghargaan kepada Qari Negara, Imam Pelapis, Awang Abdul Qawiyyel Azeed bin Haji Abdul Rajid atas pencapaian cemerlang beliau di persada Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau telah mencatatkan pelbagai kejayaan termasuk Johan



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD) semasa hadir pada Majlis Ceramah Khas sempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan kiri).

Musabaqah Belia dan Beliawanis Senegara (2015 & 2023); Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (2023/2024); Naib Johan Musabaqah Peringkat Masjid (2024); Tempat Kelima Bahagian Dewasa, Peringkat Akhir Kebangsaan (2025); Terpilih menyertai Musabaqah Tilawah Al-Quran Antarabangsa Katara Edisi Ke-9 (2026) di Doha, Qatar, anjuran Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar dengan kerjasama Yayasan Budaya Kerjasa; dan berjaya mara ke peringkat separuh akhir sebagai salah seorang daripada 25 peserta terbaik.

Acara diakhiri dengan bacaan

Doa Selamat dan Doa Khas bagi mendoakan kesembuhan, kesihatan, dan keafiatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dipimpin oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Majlis antara lain diharap dapat menyemarakkan penghayatan terhadap peristiwa Israk dan Mikraj, di samping menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat, khususnya golongan belia, untuk terus mendalami, menghayati, dan memartabatkan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Merafakkan doa mohon dikurniakan kesihatan, keafiatan Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus komited mengimarahkan aktiviti kerohanian dengan menganjurkan Program Malam Munajat Kali Ke-215, pada malam tadi.

Program berkenaan telah menghimpunkan penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir dan Belia Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong.

Turut serta ialah jemaah daripada beberapa buah masjid

seluruh negara, warga kerja KHEU, serta individu yang mengikuti program berkenaan secara maya dari kediaman masing-masing.

Sebelum acara Munajat dimulakan, para jemaah terlebih dahulu menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Ba'diah, diikuti Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan bacaan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Acara Munajat seterusnya dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Arfan bin Haji Mohd. Yussof, yang bersiaran dari Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat III, Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad, selaku Ketua Imam Masjid Jefri Bolkiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU.

Manakala, Doa Khas dibacakan oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Matudin bin Haji Tahir, selaku Penasihat Takmir

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PROGRAM Malam Munajat Kali Ke-215 disertai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir dan Belia Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong dan para jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara secara maya.

Masjid Jefri Bolkiah.

Seterusnya, bacaan Selawat As-Syifa beramai-ramai dipimpin oleh Awang Md. Waseem bin Md. Rizal, belia Masjid Jefri Bolkiah, dan diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Md. Rizal bin Haji Johari, juga Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu.

Melalui program berkenaan,

KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama merafakkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala memohon dikurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya, kita semua mendoakan agar NBD terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Akhirnya, saya sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada seluruh warga AP, khususnya kepada Komandan AP, Pegawai Pemerintah, Pegawai-pegawai, Colour Sergeant, School Sergeant Major, jurulatih dan kakitangan Sekolah Pegawai Kadet di atas kegigihan dan ketabahan dalam melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet dan seterusnya menjayakan Upacara Sovereign's Parade pada pagi ini. Semua ini adalah pengorbanan yang sangat dihargai.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tulus kepada para ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga di atas suntikan semangat dan sokongan berterusan yang menjadi sumber kekuatan Pegawai-pegawai Kadet dalam menempuh latihan yang mencabar ini hingga ke Perbarisan Sovereign's Parade pada pagi ini.

Kepada semua penerima-penerima anugerah, Saya ucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan yang dicapai hasil usaha gigih, disiplin serta semangat yang tinggi.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, telus dan semangat kepimpinan yang cemerlang.

Dengan merafakkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dan berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacita mengurniakan Tauliah Pegawai Tentera kepada 50 Pegawai Kadet, Pengambilan Ke-24.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MERAFAKKAN KESEJAHTERAAN KEBAWAH DYMM



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, ihsan
Kementerian Pendidikan

TUNGU LINK, Ahad, 18 Januari. - Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah Kementerian Pendidikan hari ini berhimpun di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD), bagi mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi merafakkan kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

SEBAHAGIAN yang hadir menyertai majlis tersebut (kanan). Manakala gambar kanan sekali, rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara turut menyertai majlis berkenaan.

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan dihadiri oleh para pegawai, pensyarah, kakitangan dan pelajar dari UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi

Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB), IBTE serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib-naib Canselor; Pemangku Rektor serta ketua-ketua jabatan di



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas.

Kementerian Pendidikan.

Majlis tersebut juga diadakan secara fizikal dan dalam talian oleh Unit Penuntut-penuntut di Suruhanjaya Tinggi NBD di London, United Kingdom, bagi pelajar-pelajar NBD yang sedang menuntut di United Kingdom dan Ireland.

Manakala majlis yang sama turut diadakan secara serentak pada hari ini bagi pelajar-pelajar NBD yang menuntut di Malaysia bertempat di Surau Suruhanjaya Tinggi, Pejabat Suruhanjaya Tinggi NBD di Putrajaya, Malaysia.

Di samping itu, turut mengadakan majlis yang sama ialah pelajar-pelajar NBD yang menuntut di Republik Singapura di Suruhanjaya Tinggi NBD, Tanglin Road di Republik Singapura serta pelajar-pelajar

NBD yang menuntut di Australia dan New Zealand secara dalam talian.

Majlis tersebut diadakan bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Di samping itu, Doa Khas bagi merafakkan kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dibacakan setiap hari sewaktu perkumpulan pagi atau pada waktu yang bersesuaian di semua Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), termasuk pegawai, kakitangan dan pelajar NBD di luar negara, bermula hari Selasa, 20 Januari 2026.



Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Khas di ITQSHHB

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



SISWA dan siswi Diploma Aliyah Qiraat, pegawai dan kakitangan serta tenaga pengajar dan para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) hadir menyertai Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang telah mengambil tempat di surau ITQSHHB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Bagi memohon kesihatan serta kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal

Bolkiah (ITQSHHB), Kementerian Hal Ehwal Ugama pada pagi tadi mengadakan Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas bertempat di surau institut berkenaan.

Majlis disertai oleh siswa dan siswi Diploma Aliyah Qiraat, pegawai dan kakitangan serta tenaga pengajar dan para penuntut ITQSHHB dan juga Pusat Pengajian dan Penyebaran

Al-Quran MABIMS.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah diimamkan oleh Tenaga Pengajar ITQSHHB, Awang Haji Mustakim bin Sariyun dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Siswa Diploma Tertinggi Aliyah Qiraat Tahun 3, ITQSHHB, Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Saleh.

Sementara itu, Doa Khas dibacakan oleh Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Marilah kita menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya kita semua mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.



MEMOHON MENGURNIAKAN KESIHATAN, KESEJAHTERAAN BUAT RAJA DIKASIHI

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



ANTARA yang hadir menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas berkenaan merupakan inisiatif berterusan bagi memohon taufik serta perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan telah dilaksanakan di semua

masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Antara yang hadir bagi sama - sama menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan lewat petang tadi ialah

warga Perkhidmatan Awam, ahli jawatankuasa takmir dan jemaah masjid serta orang ramai.

Pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula dari Jumaat, 27 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 16 Januari 2026 selepas Sembahyang Fardu Maghrib.

Marilah kita menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10 kanser lelaki, 1 dalam 5 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan. Seterusnya, kita semua

mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

Sembahyang Sunat Hajat diteruskan mohon kesejahteraan Kebawah DYMM



PELAKSANAAN Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi memohon kesihatan serta kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diadakan selama tiga hari berturut-turut .

KAMPUNG KIARONG, Sabtu, 17 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) lewat petang tadi meneruskan pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi memohon kesihatan serta kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas berkenaan, yang diadakan selepas

menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib adalah kesinambungan bagi memohon taufik serta perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan telah dilaksanakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Di Daerah Brunei dan Muara, tumpuan adalah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong manakala bagi Daerah Belait di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, sementara Masjid Hassanil

Bolkiah, Pekan Tutong bagi Daerah Tutong dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Turut hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas lewat petang tadi ialah warga Perkhidmatan Awam, anggota pasukan beruniform, ahli jawatankuasa takmir dan jemaah masjid serta orang ramai.

Pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi memohon kesihatan serta

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini diadakan selama tiga hari berturut-turut dan akan diteruskan lagi esok, Ahad, 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 18 Januari 2026, selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib.

Marilah kita menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala

supaya mengurniakan kepada Kebawah DYMM dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya kita semua mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

سورڤي

مناجاة رعيت اونتوق راج

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتن كيلمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ قالينغ مليا دسيسى الله ﷻ ايت ايله اورغ يغ قالينغ يرتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

دغن اذن سرتا ليمقه رحمة الله ﷻ، كيت ماسيه داذنكن اونتوق براد دساله ساتو بولن حرام يغ فدن تردافت كياستيميان دان ساغت درحمي يايث بولن رجب. مك سباكاي اومت اسلام يغ برلمان كقد الله ﷻ سوده سمستين كيت منيغكتن اوسها دالم ملقسناكن كطاعتن دان عملن-عملن بركباجيقن سرتا منجواهركن ديري درقد فركارا-فركارا كجي دان موغكر ددالم بولن اين.

قد ٢٧ رجب، لازمن سلوروه اومت اسلام دمان فون براد، اكن مقرايغي ساتو فريستيو اكوغ دالم سجاره اسلام، يغ منجادي ساله ساتو معجزة بسر يغ دخصوصكن كقد جونوغون كيت نبي محمد ﷺ يايث فريستيو اسراء دان معراج.

سباكيما يغ كيت سلبيا معلوم، بهاوا كموغق دري فريستيو اسراء دان معراج اين اداله دشريعتكن فدن سبهيغ فرض ليم وقتو سهارى سنام يغ دفرينتهكن كقد نبي محمد ﷻ دان سكاليان اومت بكندا. سبهيغ فرض ليم وقتو اين مروفانن ساتو-ساتون عبادت يغ دفرينتهكن سجارا لغسوغ كقد نبي محمد ﷻ.

جماعه يغ درحمي الله،

سبهيغ دري سكي بهاس برمعنى دعاء. اين كران، سنياف فركرقن دان باجان دالم سبهيغ سينرن اداله دعاء. جك كيت مليهت كقد فغرتين دعاء فولا، اي مروفانن سكل بتوق كومونيكاسي كيت دغن الله ﷻ سبهيغ يغ مرغكومي فوجين، فرموهونن، فغاوان، هارفن دان فبرهن ديري. مك ددالم عبادت سبهيغ، تركاندوغ ددالمن فوجين كقد الله ﷻ سبهيغ، تسبيح، فرموهونن، فغاوان كهيمان، صلوات كاتس نبي محمد ﷻ يغ مان كسموا ايت اداله دعاء.

دعاء مروفانن عبادت يغ دفرينتهكن اوليه الله ﷻ كقد كيت قارا همبان. دغن بردعاء، سجارا تيدق لغسوغ كيت تله منظاهركن فغهمبان ديري كيت كقد الله ﷻ دان منوغوفكن بتاف كيت سنتياس برحاجت كقدن. سلاين ايت، سوقو بردعاء كيت سينرن سدغ مرندهكن ديري كيت سباكاي همبا يغ كرديل دان سربا ككورغن دهلغن الله ﷻ يغ مها فموره لاكي مها كاي.

دالم سبهيغ حديث صحيح رواية امام الترمذي، درقد النعمان بن بشير روى عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: الدَّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ. مقصودن: "دعاء ايت اداله عبادت". كمودين بكندا مباح فرمان الله ﷻ دالم سورة غافر آية ٦٠: وَقَالَ رَبُّكُمُ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ.

تفسيرن: دان توهن كامو بفرمان: "بردعاء له كقدكو نسجاي اكو مفركتنكن دعاء كامو. سسوغكوهن اورغ-اورغ يغ موبوغون ديري درقد برعبادت كقدكو اكن ماسوق نراك جهنم دالم كادان هينا."

مك دري ايت، كيتك مان كيت ايغن برمناجاة، موهون دعاء كقد الله ﷻ اونتوق سبارغ حاجت، سام اد حاجت دنيا ماهوفون اخيرة، سيوكيا دايتكن اونتوق مفركن اداب-اداب دالم بردعاء اكر اف يغ كيت فوهونكن اكن ليه موده دترما دان دفركتنكن اوليه الله ﷻ. القرآن اد ميريكن فندوان بركتان دغن اداب كيتك بردعاء سباكيما فرمان الله ﷻ دالم سورة الاعراف آية ٥٥:

بردعاء له كقد توهن كامو دغن رنده هاتي دان دغن سوارا يغ لمبوت. سسوغكوهن الله تيدق سوك كقد اورغ-اورغ يغ ملمقاوي باتس.

بكيو جوك نبي محمد ﷺ توروت منصيحي اكر كيت ممليكي كيقينن كيتك بردعاء، يقين بهاوا دعاء كيت ايت قسني دقوبلكن اوليه الله ﷻ سباكيما سيدان ددالم سبواه حديث حسن يغ دروايتكن اوليه امام ترمذي، درقد ابو هريرة روى عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: ادْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُوقِنُونَ بِالْإِجَابَةِ. مقصودن: بردعاء له كامو كقد الله سدغ كامو يقين دعاء كامو ايت دقوبلكن.

قارا علماء جوك توروت مفراريسكن فندوان دالم بردعاء، دانتاران امام الشافعي روى عنه، ددالم كتابن الأم ميونكن: دعاء مستحب اداله قد ليم مالم، يايث مالم جمعة، مالم هاري راي عيدالاضحي، مالم هاري راي عيدالقطري، مالم اول بولن رجب، دان مالم نصف شعبان.

فندوان-فندوان اين منوغوفكن بهاوا بتاف بسرن قرانن دعاء دالم كهيدوفن كيت. دسقيغ مغايغتنن كيت اونتوق تيدق مغاييكنن، دعاء جوك فرلو دفنجنن دغن كسوغكوهن دان فنه خشوع دغن هارفن دان كيقينن بهاوا دعاء يغ كيت فنجنن ايت اكن دقوبلكن سلاما مان يغ كيت فوهونكن ايت اداله دري فركارا كبايكن.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، كيت دنكارا بروني دارالسلام اين تله منمعني كورنيان الله ﷻ يغ مليقه رواه. سلاين نعمت كامانن دان كمعمورن، كيت جوك دكورنيانن نعمت ساورغ راج يغ برلمان، يغ منجاديكن اسلام سباكاي توغقن دالم منراجوي كقيمقنن، ساورغ راج يغ ساغت جيتنا كقد نكاران دان ساغت كاسيه كقد رعيتن. مك سوده سنتون كيت سباكاي رعيت، فرلو مبالس كاسيه ترسبون دغن ميريكن طاعة سنيا يغ تيدق برله بهاكي كقد بكندا، سنتياس ميوكوغ دان مندوكوغ كقيمقنن بكندا دان برأوسها اونتوق مرياليسايكن سنياف حسرت بكندا دالم موجودكن كسجهزان باكي رعيت دان نكارا. الله ﷻ بفرمان دالم سورة النساء آية ٥٩:

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! طاعة له كامو كقد الله دان طاعة له كامو كقد رسول الله دان كقد "اولي الامر" (اورغ-اورغ يغ بركواس) دري كالغن كامو. كمودين جك كامو برهنته-بنته (برسليسيهن) دالم سسواتو فركارا، مك كمبايكنله كقد (كتاب) الله (القرآن) دان (سنة) رسولن، جك كامو بتر برلمان كقد الله دان هاري اخيرة. يغ دمكين ايت اداله ليه بايك (باكي كامو) دان ليه يلوق فولا كسودهن.

جماعه يغ درحمي الله،

سلاكو رعيت، كيت دتونوت اونتوق سنتياس مندعاهكن كبايكن باكي راج يغ كيت كاسيهي. اين كران مندعاهكن كبايكن اونتوق راج اكن ميوهكن منفعت دان فصلحة يغ بسر اونتوق سلوروه رعيت دان جوك نكارا.

سهيغكاكن امام احمد بن حنبل رحمه الله تله مواجيكن فد ديرين انتوق سنتياس بردعاء كبايكن كقد قيمقنن سياغ دان مالم. بكيو جوك ساله ساورغ تابع تابعين الفضل بن عياض روى عنه، دكنالي سباكي عابد الحرمين تله بركات: جكالو سسغكوهن اكو ممليكي ساتو دعاء يغ مستجب، اكو تيدق اكن مفركتنكن ملاينكن اونتوق مندعاهكن قيمقنن. اخيرن، ماريله كيت سام-سام منادهكن تاغن، برمناجاة كقد الله ﷻ اونتوق راج يغ كيت كاسيهي.

"يا الله، يا رحمن، يا رحيم، دغن ميبوت نام-نام مو يغ موليا، فندغله تادهن تاغن كامي اين يا الله، كامي ساعت اين سدغ بركومقول درومه مو، دهاري يغ فنه دغن كيركن دان كموليان، دغن هارفن اغكاو اكن مفركتنكن دعاء فرموهونن كامي اين دغن سكل كلمبونن دان كاسيه ساينغ مو واهي توهن يغ مها فغاسيه.

يا الله، كامي منشوكوري سنياف نعمت يغ تله اغكاو ليمقهكن كقد كامي دان نكارا كامي، يغ سمو ايت كامي نعمتي اداله دغن بركة كقيمقنن راج كامي يغ صالح، برلمان لاكي يرتقوى.

يا الله، كامي تاهو اغكاو ساغت دكت، كامي تاهو اغكاو مندغر دان مفركتنن سنياف دعاء همبا-همبا مو. مك دري ايت كامي موهون قد مو يا الله، يغ مان هان قد مو جوا ساتو-ساتون ثمت كامي مينا دان مفركتنن هارفن.

موهون يا الله، موهون اغكاو ككلكن نعمت كصيحنن، كعافين دان كسجهزان اونتوق راج يغ كامي كاسيهي، كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام.

موهون اغكاو كورنيانن كمودهن سرتا كلنجرن دالم سنياف اوروسن بكندا. موهون فليهاراكن راج كامي دغن فليهاران مو يا الله. جاوهكن بكندا دان كامي سموا دري بالا بنجان، فبايكت دان دري سكل كبوروقن. سسوغكوهن اغكاو جواله سبايك-بايك فليهارا يا الله. يا الله، موهون اغكاو بركاتي عمور راج كامي، ترمنا سنياف عمل كبايحن بكندا، هياسي بكندا دغن عافيه يغ سمفورنا سرتا كورنيانن بكندا توفيق دان فونوغون دالم ميمقنن نكارا دغن كريضان مو جوا. آمين يا رب العالمين.

دان اقبيل همبا-همباكو برتان كقد مو (واهاي نبي محمد) مغناي اكو مك (كاتكن كقد مريك): "سسوغكوهن اكو سنتياس همقير (كقد مريك). اكو مفركتنن فرموهونن اورغ-اورغ يغ بردعاء اقبيل دي بردعاء كقد كو. مك هندقله مريك ايت مياهوت سروانكو (دغن مماتوهي فريتهكو) دان هندقله مريك برلمان كقدكو سوفاي مريك سنتياس براد دالم كبنرن." {سورة البقرة آية ١٨٦}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

MPM SERASA KENALI TRADISI, PRODUK 1K1P KAMPUNG JERUDONG 'B'



SUASANA pada lawatan ke rumah persendirian di Kampung Jerudong menyaksikan tunjuk cara mengelupis dan makanan tradisi Puak Kedayan dan juga Pantai Siandang Kampung Jerudong (kiri dan kanan).



■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

JERUDONG, Sabtu, 17 Januari. - Dengan hasrat murni bagi sama-sama menimba pengetahuan dan pengalaman serta semangat silaturahmi sesama golongan penduduk di luar kampung dan mukim, seramai 37 orang Ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa dan beberapa orang penduduk kampung di sekitarnya memanfaatkan cuti hujung minggu dengan mengadakan lawatan ke rumah persendirian di Kampung Jerudong untuk menyaksikan tunjuk cara mengelupis dan

makanan tradisi Puak Kedayan dan juga Pantai Siandang Kampung Jerudong di bawah kendalian Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B', pagi tadi. Rombongan diketuai oleh Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Timbang yang juga mewakili Penghulu Mukim Serasa itu dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang selaku Pengerusi MPK Jerudong 'B' serta Ahli-ahli MPK Jerudong 'B'. Sejurus bacaan doa bagi memberkati lawatan, majlis

dimulakan dengan sesi taklimat ringkas daripada Awang Kamis antaranya menzahirkan penghargaan dan kesyukuran dengan kunjungan daripada rombongan tersebut. Beliau turut berharap dengan adanya kunjungan lawatan ini akan dapat memberikan sumber pengetahuan secara lebih dekat mengenai program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang terdapat di Kampung Jerudong 'B' sekali gus memupuk perpaduan dan ikatan silaturahmi yang lebih erat dari semasa ke semasa. Selain itu, Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B' turut menaruh harapan tulus agar

usaha seperti memperkenalkan makanan tradisi sedemikian dapat diteruskan dan pastinya menjadi tanggungjawab bersama agar generasi muda pada masa ini sebagai pelapis masa depan negara lebih peka dan dapat meneruskan usaha menjaga dan memartabatkan apa sahaja keunikan tradisi yang telah diwarisi agar ia tidak pupus ditelan zaman yang semakin mencabar ini. Sementara itu, dalam ucapan balas mewakili rombongan, Pengiran Haji Ibrahim berkata, "Semoga dengan adanya siri lawatan dalam negara ini seperti ini, ia dapat menambah ilmu dan kemahiran serta pengalaman

kepada kita semua menerusi penghasilan makanan-makanan tradisi penduduk Kampung Jerudong 'B' dan juga produk-produk di bawah Program 1K1P yang mereka ketengahkan selama ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli MPK Jerudong 'B' atas jalinan silaturahmi mengalu-alukan kedatangan kami semua".

Menariknya, lawatan berkenaan memberi peluang kepada para peserta untuk menyaksikan demonstrasi makanan tradisi Puak Kedayan secara langsung daripada golongan ahli MPK Jerudong 'B' yang mahir sekali gus mempraktikkan cara penghasilan Kelupis, Lamban, Lapat, Dalamu dan Sumbui-Sumbui.

Majlis turut menyaksikan sesi bergambar ramai sejour menikmati jamuan dan juga sesi penyampaian pertukaran cenderahati antara wakil kedua-dua pihak menandakan berakhirnya lawatan silaturahmi tersebut.

Sebelum meneruskan perjalanan balik, rombongan turut tidak ketinggalan untuk singgah sebentar bagi menikmati suasana keindahan Pantai Siandang Kampung Jerudong. Sambil bersantai, para peserta lawatan turut menerima sijil penghargaan sebagai kenang-kenangan.

Sesi penyampaian sijil penghargaan berkenaan telah disempurnakan oleh Pengiran Haji Ibrahim kepada peserta lelaki dan juga Dr. Hajah Mariam binti Abd. Rahman menyerahkan sijil penghargaan kepada para peserta perempuan.

SHENA komited tingkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan pelajar



SERAMAI 49 pelajar telah menyertai Program Jangkauan #SAFEKIDSBN Kedua di Sekolah Rendah Bendahara Lama (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, telah berjaya melaksanakan Program Jangkauan #SAFEKIDSBN Kedua bagi Tahun 2026 di Sekolah Rendah Bendahara Lama, baru-baru ini.

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep asas keselamatan dan kesihatan melalui pembelajaran yang menarik, interaktif dan produktif.

Berikutan kejayaan program

tahun lepas, Edisi Kedua #SAFEKIDSBN memberi tumpuan kepada pengukuhan tabiat keselamatan utama dalam kalangan pelajar. Inisiatif ini menggalakkan pelajar untuk mengamalkan tabiat selamat bukan sahaja di sekolah tetapi juga di rumah dan dalam kehidupan seharian mereka.

Seramai 49 pelajar telah menyertai program ini dengan mengambil bahagian dalam pelbagai taklimat keselamatan, aktiviti amali serta cabaran berasaskan pasukan, semuanya direka untuk meningkatkan kesedaran, komunikasi dan



keyakinan diri mereka.

Salah satu sorotan utama program ini ialah pengalaman pembelajaran teknologi Realiti Maya (VR) yang imersif, yang membolehkan para pelajar meneroka persekitaran secara simulasi, mengenal pasti potensi bahaya serta mengamalkan membuat keputusan yang selamat.

Pendekatan inovatif ini mencerminkan komitmen SHENA untuk menggunakan alat yang menarik bagi menjadikan pendidikan keselamatan lebih

berkesan dan menyeronokkan.

Sepanjang sesi tersebut, para pelajar melibatkan diri secara aktif, dibimbing oleh pegawai SHENA dan guru-guru mereka. Mata diberikan untuk penyertaan, kerja berpasukan dan semangat, dengan kumpulan terbaik menerima pengiktirafan khas.

Hadiah dan sijil turut disampaikan kepada para pelajar sebagai tanda penghargaan atas penglibatan serta sumbangan positif mereka.

Program seperti #SAFEKIDSBN merupakan sebahagian daripada

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

usaha berterusan SHENA untuk meningkatkan kesedaran awam dan memupuk pemikiran mengutamakan keselamatan merentasi semua peringkat umur.

Dengan melibatkan pelajar-pelajar muda, SHENA berhasrat untuk memberdayakan generasi akan datang supaya menjadi juara keselamatan dan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

DOA KHAS BAGI KESIHATAN, KESEJAHTERAAN BUAT RAJA TERCINTA

KAHERAH, REPUBLIK ARAB MESIR, Ahad, 18 Januari. - Bagi sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) baru-baru ini turut mengadakan Majlis Sembahyang

Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disertai oleh penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) di Kaherah, Republik Arab Mesir. Majlis berkenaan diadakan di Surau Darussalam, Bangunan Kediaman Penuntut-penuntut NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir. Pengisian majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu

Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang dipimpin oleh ahli-ahli Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam Mesir (BKPBDM). Majlis berkenaan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Kedutaan Besar NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir. Sehubungan dengan itu, majlis serupa juga telah diadakan bagi penuntut-penuntut NBD yang sedang meneruskan pengajian di Jordan. Majlis diadakan di Pejabat Kedutaan Besar NBD di Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan dan disertai oleh pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar NBD di negara berkenaan.

ANTARA yang hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang diadakan di Surau Darussalam, Bangunan Kediaman Penuntut-penuntut NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir (kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



SEBAHAGIAN yang hadir menyertai majlis tersebut yang diadakan di Pejabat Kedutaan Besar NBD di Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan (atas dan bawah).



Mengukuhkan silaturahmi, semai semangat keprihatinan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Kumpulan Old SkoL



SESI bergambar ramai pada Majlis Tahlil yang diadakan di salah sebuah restoran di Kampung Sengkurong.

JERUDONG, Ahad, 18 Januari. - Lebih 20 ahli Kumpulan Old SkoL, baru-baru ini mengadakan Majlis Tahlil bagi guru-guru dan murid-murid Sekolah Rendah Jerudong serta ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah. Majlis yang diadakan di salah sebuah restoran di Kampung Sengkurong berkenaan juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak yatim yang terpilih dari Kampung Jerudong. Majlis berkenaan dianjurkan oleh Kumpulan Old SkoL, iaitu kumpulan murid-murid yang pernah menuntut di Sekolah Rendah Jerudong pada era 1980-an sebelum melanjutkan

pengajian ke peringkat sekolah menengah. Dengan matlamat berbakti dan membantu masyarakat yang memerlukan, kumpulan berkenaan diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang. Pada majlis berkenaan, sumbangan derma telah disampaikan oleh ahli-ahli Kumpulan Old SkoL yang diwakili oleh Awang Abd. Raziq bin Haji Bahar, Awang Rosdin bin Haji Abd. Aziz, dan Awang Mardi @ Musa bin Pungut kepada dua anak yatim dari Kampung Jerudong. Walau bagaimanapun, anak-anak yatim yang sepatutnya menerima sumbangan berkenaan

tidak dapat hadir pada hari tersebut, dan sumbangan berkenaan telah disimpan terlebih dahulu sebelum disampaikan melalui wakil yang berkenaan. Majlis berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk memperingati dan mendoakan kesejahteraan guru-guru serta murid-murid Sekolah Rendah Jerudong yang telah meninggal dunia, malah turut menjadi wadah kebajikan apabila diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim, termasuk anak yatim dalam kalangan ahli Kumpulan Old SkoL sendiri. Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan Old SkoL dalam mengukuhkan silaturahmi serta menyemai semangat keprihatinan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan ahli dan masyarakat setempat. Awang Mardi bin Pungut semasa ditemui berharap majlis seumpama berkenaan dapat mengeratkan lagi hubungan ukhwa antara mereka dan berusaha untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat. Manakala, Dayang Sarrah 'Aina binti Haji Abdul Rahman pula mengongsikan cerita bahawa setelah lebih 30 tahun meninggalkan alam persekolahan peringkat rendah, banyak kenangan yang tidak dapat dilupakan. "Jasa guru-guru yang telah mendidik tidak akan pernah dilupakan. Semoga roh mereka ditempatkan dalam kalangan ahli syurga," ujarnya. Sementara itu, Dayang Hajah Harmawati binti Haji Abdul Manaf dan Awang Jubli bin Haji Ridhuan masing-masing menyatakan kegembiraan kerana berpeluang

menghadiri majlis berkenaan. Sebagai alumni murid Sekolah Rendah Jerudong, mereka berbangga kerana menimba ilmu di sekolah berkenaan. Di kesempatan ini juga, mereka

mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru yang masih ada dan berdoa agar mereka diberikan kesihatan yang baik di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

كَمْ تَعْلَمُ كَمْ يَحْتَج
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

TIPS

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg 3 bungkus Mee Segera	1000 mg Sehug Telur Masin	880 mg 1 sudu makan Kicap
376 mg 3 sudu makan Corned Beef	295 mg 3 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang	243 mg 3 bungkus kecil Keropok Udadang Tempatan
120 mg 1 cawan Kentang Goreng	116 mg Segegung Kacang Tanah (Salted)	15 mg 3 keping Kraker Beras
2.4 mg 1/2 cawan Amping	1.7 mg Segegung Kacang Tanah (Unsalted)	1.2 mg Semua ukuran serendah Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

Hydratasi • Health Promotion Centre • Tabak Dilarang 100

BBC ADAKAN PENYAMPAIAN MOMENTO



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Kelab Pemotoran Bersatu (Bersatu Bikers Club) Negara Brunei Darussalam mengadakan acara Penyampaian Momento BBC yang berlangsung

di Restoran Z'yan, Mangrove Resort, semalam.

Hadir pada acara tersebut ialah Yang Dipertua, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi. Turut hadir, Penasihat BBC,

PENYAMPAIAN momento BBC disampaikan oleh Yang Dipertua BBC kepada Awang Haji Yusof bin Haji Matdin sebagai Pengerusi Perwakilan BBC di Luar Negara.

Awang Haji Hassan bin Tudin, Timbalan Yang Dipertua, Pengiran Mohd. Aderus bin Pengiran Haji Tengah, Setiausaha 1, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar, Setiausaha 2, Dayang Sarinah binti Zainal Abidin dan Awang Haji Yusof bin Haji Matdin.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengiran Mohd. Aderus dan diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Yang Dipertua BBC.

Yang Dipertua BBC dalam ucapannya menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Bersatu Bikers Club Negara Brunei Darussalam

Subhanahu Wata'ala kerana telah mengizinkan perjumpaan bagi acara penyampaian momento tersebut serta mengucapkan berbilang terima kasih juga kepada ahli BBC, Awang Haji Yusof bin Haji Matdin dan Awang Haji Zulkifli bin Haji Ramli yang mewakili BBC semasa acara Mingguan Pemotoran Antarabangsa di Sibru pada

Disember 2025 yang lalu.

Penyampaian momento BBC disampaikan oleh Yang Dipertua BBC kepada Awang Haji Yusof bin Haji Matdin sebagai Pengerusi Perwakilan BBC di Luar Negara untuk diserahkan kepada pihak penganjur Minggu Pemotoran di Sandakan, Sabah yang akan berlangsung pada 30 Januari 2026 hingga 1 Februari 2026.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan lelaki dan No. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengendalikan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

29 orang sertai konvoi BBC sempena Sambutan Israk Mikraj



Berita dan Foto : Ihsan Bersatu Bikers Club Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Bersatu Bikers Club (BBC) Negara Brunei Darussalam mengadakan acara

konvoi sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1447 Hijrah yang diadakan baru-baru ini. Seramai 29 orang menyertai

PENYAMPAIAN wakaf Bersatu Bikers Club (BBC) telah diserahkan kepada Ketua Imam masjid berkenaan.

konvoi yang bermula dari Masjid Kampung Penabai Tutong dan berakhir di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong.

Konvoi diketuai oleh Yang Dipertua, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi dan turut disertai oleh Timbalan Yang Dipertua, Pengiran Mohd. Aderus bin Pengiran Haji Tengah; Yang Dipertua Ketiga, Awang Zaini bin Haji Pudir, Yang Dipertua, Awang Matassan bin Haji Halus serta Ahli Jawatankuasa Tadbir BBC dan ahli-ahli BBC.


Acara dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Abu Afiah bin Lamit dan diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Ketua Imam Masjid Penabai, Tutong, Awang Muhammad Syuwari bin Haji Ilham.

Majlis diteruskan dengan ucapan penghargaan daripada Awang Haji Mohammad Isa yang antara lain melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang mana rancangan konvoi sempena Israk dan Mikraj tahun ini mencapai matlamatnya dengan mengadakan konvoi dari masjid ke masjid dengan mengambil daripada peristiwa sejarah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam iaitu perjalanan Baginda dari Masjidil Haram ke Masjid Aqsa.

Sementara itu, penyampaian wakaf dari BBC disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Isa dan Pengiran Mohd. Aderus kepada Ketua Imam masjid berkenaan.

Acara ditutup dengan bacaan Doa Selamat Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Abu Afiah.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1. **iklan jawatan kosong** - **Kalendar saya** - **kedudukan permohonan** - **aduan saya**

2. **Status Permohonan Kerja**

Bagian	Status	Uraian
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	
II	PROSES PERAKUAN	
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	
IV	TIDAK HADIR	
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	
VI	PERMOHON DITERIMA	

3. **Ujian** - **Temu Duga**

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 114 / 2025
Provision Of Manpower For Distribution Network Remedial Works In Temburong District

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 123 / 2025
Wayleave Maintenance Of 28ft/35ft Of 415V/11KV Overhead Line and Poles In Tutong District (Zone A) For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga / Tawaran:
JDT / KPD / 16 / 2025-2026
Sebut Harga Bagi Pembekalan Vending Machine Selama 36 Bulan (01.04.2026 – 31.03.2029)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
2 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 15 / 2025-2026
Comprehensive Repair Of JCB 3DX Super 4WD Backhoe Loader (BG2484) – Rectification (Out Of Service), Hydraulic System, Boom Refurbishment, Tire Replacement And Towing

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
2 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan diletakkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari
jam 2.00 petang
pada Khamis,
12 Februari 2026.**

Borang Sebut harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 64(A) / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am di Bangunan Banglo 2 dan 3, KKP Tungku

2. JPt / SH / 112 / 2025 - 2026
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Microscope with Accessories for The Plant Pathology Laboratory in Support of ISO/IEC 17025:2017 Compliance

3. JPt / SH / 113 / 2025 - 2026
Provision of Laboratory-Based Molecular Identification and DNA / RNA Sequencing Services for Plant Pathogenic Microorganisms

4. JPt / SH / 114 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Bagi Pusat Pertanian Brunei Kilanas, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12 / 2025 – 2026 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And install Vehicle Parts For Ministry Of Primary Resources And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
22 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



**Pemberitahuan
Sebut Harga
Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
MOFE / UPAH / Q / 2026-1
Kerja-Kerja Provision Of Troubleshooting And Assessment Of Existing Johnson Controls Addressable Fire System At Ministry Of Finance And Economy Building, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
MOFE / UPAH / Q / 2026-2
Kerja-Kerja Pembekalan Dan Pemasangan Alat Pemadam Api Di Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
24 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Iklan Tawaran:
JAN-1 / 2026 / JAPEM / KRK / RB
To Supply And Install New Waterpump At Kompleks Rumah Kebajikan Subok, Spg 421

Tarikh Tutup Iklan Tawaran:
Khamis,
5 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Ternakan Udang Menggunakan Teknologi Di Tapak Ternakan Udang Lot 16636, Pangkalan Sibabau Zon 1, Kampung Mentiri, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari





JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun,
Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang,
Menengah dan Panchong,
Mukim Lamunin

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di kampung yang
tersenarai di atas bagi untuk
menghadapkan pencalonan bagi
mengisikan jawatan sebagai
Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam



Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Tutong
untuk menghadapkan
pencalonan bagi mengisikan
jawatan sebagai Penghulu
Mukim Rambai, Daerah Tutong.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
**Khamis,
5 Februari 2026,
jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi melalui
talian +6734222491
sambungan 110 / 111
atau
alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDBM / Q / 88 / 2025

Tawaran:
Membekal Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan
Selama Enam (6) Bulan,
Bagi Bangunan Jabatan
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Januari 2026



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan
Nama Dokumen Sebut Harga:**
28 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Majalah
(Mekar) Terbitan
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Bilangan dan
Nama Dokumen Sebut Harga:**
29 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Majalah
(Juara Pelajar) Terbitan
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Harga
Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026
Jam 11.00 Pagi



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 13 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Maintenance Of
Two (2) Units Of 'Sigma'
Lift At Tutong District
Office Building,
Negara Brunei Darussalam
For A Period Of Twenty-Four
(24) Months
(1.05.2026 – 30.04.2028)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
26 Januari 2026
Jam 2.00
Petang



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
BBS / BPAP / TI / 2026-1

Keterangan Projek:
Penyewaan Ruang-Ruang
Perniagaan Bangunan Kerajaan
Di Bawah Kawalan
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Setia
- Gerai Makan Taman Persiaran
Kuala Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 14 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Memungkah,
Membersihkan, Perkhidmatan
Pengangkutan Dan Pembuangan
Sampah Bagi
Bangunan-Bangunan Kerajaan
dan Perumahan-Perumahan
Kerajaan Di Bawah Kawalan
Jabatan Daerah Tutong Bagi
Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun.
(Tahun 2026 Hingga Tahun 2028)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
26 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.13 / FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat
Untuk Kegunaan
Kementerian-Kementerian dan
Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
24 Januari 2026
Sabtu
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



IMBASAN MINGGUAN



PESERTA-peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-49 semasa melafaz ikrar yang berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA yang hadir pada Sesi Dialog antara Infocom Federation Brunei (IFB) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN). - Foto : Siti Rokiah Abdullah.



SALAH seorang penuntut Tahun 7 Sekolah St. John, Kuala Belait semasa menyertai Kuiz Kenegaraan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Daerah Belait. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



ORANG ramai semasa mengunjungi Program WISE atau Wargamas Inspirasi Ekonomi anjuran Pertubuhan WARGAMAS yang diadakan di Kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



CERAMAH bertajuk 'Dari Sembahyang Menuju Cemerlang' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhd. Safwan bin Mohd. Suffian. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

LATIHAN MEMPERKASA PENGETAHUAN, KEMAHIRAN PEMANDU PELANCONG



SERAMAI 44 pemandu pelancong berdaftar dan berlesen telah melalui sesi latihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, di Taman Negara Ulu Temburong (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) baru-baru ini telah mengendalikan empat sesi latihan bagi 44 pemandu pelancong yang berdaftar dan berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan bertempat di Taman Negara Ulu Temburong dari bulan Disember 2025 sehingga Januari 2026.

Latihan ini berpandukan Buku Panduan Laluan Taman Negara Ulu Temburong, sebuah destinasi yang dikenali sebagai 'Green Jewel

of Brunei' kerana keutuhan hutan tropikanya yang masih terpelihara serta kekayaan biodiversitinya, termasuk spesies flora dan fauna, yang endemik kepada Borneo.

Sesi latihan ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi memperkukuh pengetahuan dan kemahiran pemandu pelancong dalam menyampaikan perkhidmatan pemanduan yang lebih berkualiti dan berinformasi kepada pengunjung.

Latihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan komprehensif mengenai ekosistem Taman Negara Ulu Temburong,

merangkumi kepelbagaian spesies pokok, flora dan fauna serta hidupan liar di sepanjang laluan.

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, para pemandu pelancong turut berpeluang meninjau aspek teknikal dan pengalaman di Canopy Walk, salah satu tarikan ikonik yang berketegangan 43 meter.

"Saya amat menghargai peluang untuk menyertai latihan Pemandu Pelancong di Taman Negara Ulu Temburong kerana ia merupakan satu pengalaman yang sangat berharga dan berinformasi.

"Sepanjang latihan laluan hutan, tenaga pengajar daripada Jabatan

Perhutanan, khususnya Tuan Kamsul, telah memberikan penerangan yang sangat jelas dan mendalam mengenai pelbagai jenis tumbuhan dan pokok di sepanjang laluan, termasuk kegunaan tumbuhan tersebut oleh masyarakat tempatan.

"Perkongsian ini benar-benar membuka mata saya dan menambah kefahaman terhadap alam semula jadi serta nilai biodiversiti kawasan tersebut," ujar Pemandu Pelancong, Awang Muhammad Villie bin Abdullah Tseu, menerangkan selepas selesai latihan tersebut.

Sementara itu, Jocelyn Sim Sing Yee, salah seorang pemandu

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kemajuan
Pelancongan

pelancong, menyatakan bahawa program ini telah berjaya mengisi jurang pengetahuannya mengenai Taman Negara Ulu Temburong. Beliau kini merasa lebih yakin untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada para pelancong.

Menurut beliau, naskhah buku panduan yang dibekalkan berfungsi sebagai sumber rujukan yang amat bernilai bagi memastikan persediaan rapi sebelum mengendalikan sebarang lawatan.

Secara keseluruhannya, beliau menyifatkan latihan ini sebagai pengalaman yang sangat bermanfaat dalam memperkukuh profesionalisme beliau sebagai pemandu pelancong.

Diharapkan melalui latihan ini, pemandu pelancong dapat memberikan perkhidmatan pemanduan yang lebih profesional dan berkualiti kepada para pengunjung, seterusnya meningkatkan pengalaman pelancongan di Taman Negara Ulu Temburong.

Adalah penting bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memastikan setiap pemandu pelancong berlesen melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan, khususnya dalam menyampaikan maklumat yang tepat, jelas dan mudah difahami.

Penyampaian perkhidmatan yang kompeten dan profesional ini bukan sahaja berupaya meningkatkan mutu perkhidmatan secara keseluruhan, malah turut menyumbang kepada pemantapan kualiti serta imej industri pelancongan negara.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari. - Orang ramai khususnya para pengguna jalan raya di negara ini dinasihatkan supaya mengamalkan sikap lebih berhati-hati dan bertolak ansur semasa memandu, berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu, seperti berlakunya hujan lebat yang boleh mengakibatkan banjir kilat dan terjadinya kemalangan, di jalan raya.

Pihak Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dalam siaran akhbarnya baru-baru ini mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) ketika ini berada dalam fasa pertama Monsun Timur Laut, atau dikenali sebagai Musim Tengkujuh.

Semasa tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu, dengan kejadian hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat.

Keadaan ini memerlukan setiap pemandu agar sentiasa memastikan kenderaan masing-masing berada dalam keadaan baik, termasuk sistem brek, tayar dan lampu kenderaan. Hujan lebat dan jalan licin menuntut tahap keselamatan yang lebih tinggi ketika memandu.

Semasa hujan lebat, kurangkan kelajuan bagi mengelakkan kenderaan tergelincir, terutamanya di jalan yang licin.

Pastikan menjaga jarak dengan kenderaan di hadapan dan elakkan menekan brek secara mengejut. Jika kenderaan awda terbabas, elakkan menekan brek dan

Cuaca tidak menentu : Pemandu disaran tingkatan tahap keselamatan



SEMASA hujan lebat, kurangkan kelajuan bagi mengelakkan kenderaan tergelincir, terutamanya di jalan yang licin. Sentiasa fokus semasa memandu, jangan menggunakan telefon bimbit dan sentiasa peka terhadap pergerakan kenderaan lain.

biarkan kenderaan awda meluncur serta gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan ke tempat yang selamat.

Nyalakan lampu kenderaan supaya kenderaan awda lebih mudah dilihat terutamanya semasa jarak penglihatan terhad. Jika hujan turun terlalu lebat dan jarak penglihatan sangat terhad, hentikan kenderaan di tempat yang selamat sehingga keadaan kembali stabil.

Para pemandu juga dinasihatkan

untuk memastikan tayar dalam keadaan baik, serta pengelap cermin berfungsi dengan baik. Sentiasa fokus semasa memandu, jangan menggunakan telefon bimbit dan sentiasa peka terhadap pergerakan kenderaan lain.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan

semua.

Selain itu, pemandu dinasihatkan agar merancang perjalanan lebih awal dan sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling.

Sikap bertanggungjawab serta penyelenggaraan kenderaan yang baik bukan sahaja melindungi keselamatan diri sendiri, malah turut menjamin keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Kesedaran orang ramai dalam memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik diharap dapat

membantu mengurangkan kadar kemalangan sepanjang musim hujan.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**

PPDB BONGKAR AKTIVITI SINDIKET PENYEWAAN AKAUN BANK

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



KAD bank tempatan berserta barang-barang tegahan lain telah ditemui di dalam sebuah kenderaan asing hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) di Pos Kawalan Sungai Tujoh (atas, atas kanan dan kanan).

GADONG, Sabtu, 17 Januari. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah berjaya membongkar aktiviti sindiket penyewaan akaun bank yang dipercayai terlibat dalam menerima serta memindahkan dana hasil kegiatan jenayah, termasuk nipipuan dan perjudian dalam talian.

Penemuan berkenaan bermula daripada hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) di Pos Kawalan Sungai Tujoh. Sejumlah kad bank tempatan berserta

barang-barang tegahan lain telah ditemui di dalam sebuah kenderaan asing bersama dengan dua warga asing.

Susulan penemuan berkenaan, pihak PPDB telah dimaklumkan dan bertindak menahan kedua-dua individu berkenaan bagi siasatan lanjut.

Siasatan mendapati bahawa penahanan berkenaan merupakan satu penemuan penting dalam usaha membongkar rangkaian sindiket penyewaan akaun bank yang dipercayai telah aktif beroperasi sejak Januari 2025.

Kaedah operasi sindiket berkenaan melibatkan penawaran

penyewaan akaun bank melalui platform media sosial, dengan pemilik akaun yang berminat akan dimasukkan ke dalam kumpulan perbualan tertutup atau bagi tujuan penyelarasan dan arahan pemindahan dana.

Dengan penahanan dua suspek terbaharu berkenaan, BSJS setakat ini telah berjaya menahan seorang warga asing yang berperanan sebagai *runner* serta 48 pemilik akaun 'keldai', yang kesemuanya merupakan warga tempatan.

Pemilik akaun yang terlibat adalah dalam lingkungan umur 20 hingga 56 tahun, sekali gus menunjukkan bahawa sindiket berkenaan telah memanipulasi pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia.

Kesemua individu yang ditahan akan dihadapkan ke mahkamah bagi kesalahan-kesalahan berikut, iaitu Seksyen 3, Akses Tanpa Kebenaran, Akta Penyalahgunaan Komputer, Bab 194; Seksyen 8, Pendedahan Kod Akses Tanpa Kebenaran, Akta Penyalahgunaan Komputer, Bab 194; Seksyen 3, Kesalahan Membersihkan Wang Haram, Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012; dan Seksyen 37, Kewajipan Melaporkan Pemindahan Wang Tunai Merentas Sempadan, Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012.

PPDB mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak terlibat dalam penyewaan atau penyerahan akaun bank kepada pihak lain, kerana ia merupakan satu kesalahan serius di bawah



undang-undang.

Orang ramai juga diseru untuk segera melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa. Kewaspadaan dan kerjasama masyarakat merupakan kunci utama dalam mengekang jenayah kewangan daripada terus berleluasa.

PPDB turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada pihak JKED atas kerjasama erat serta bantuan yang diberikan, yang telah membawa kepada kejayaan menahan semua suspek dan seterusnya membongkar kegiatan sindiket berkenaan.

Meneroka peluang kerjaya, keusahawanan industri kecantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Seramai 18 peserta yang terdiri daripada golongan belia daripada golongan belia berempuan berusia antara 18 hingga 30 tahun telah memanfaatkan masa lapang mereka dengan menyertai Bengkel Gua Sha Wajah anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang dikendalikan oleh tenaga pengajar Tatarias Pusat Belia bersempena Hari Bertindak (Day Of Action), pagi tadi.

Bengkel sehari yang diadakan di premis Pusat Belia, Bandar Seri Begawan berkenaan membuktikan komitmen para tenaga pengajar secara berterusan dalam melaksanakan inisiatif pembangunan belia yang

fokus kepada peningkatan pengetahuan, penguasaan kemahiran praktikal serta pembentukan keyakinan diri selain lebih kreatif dalam mengadaptasi cabaran global termasuklah perniagaan skala kecil.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Pengendali Tatarias Pusat Belia, Dayang Asmah binti Abdul Wahab antaranya menjelaskan, *gua sha* merupakan teknik Traditional Chinese Medicine (TCM) yang digunakan untuk merangsang peredaran darah, mengurangkan ketegangan otot dan meningkatkan kesihatan kulit wajah.

Dalam konteks kecantikan moden, tambahnya, teknik berkenaan membantu menaikkan seri wajah,

melancarkan peredaran darah dan memulihkan keanjalan kulit secara semula jadi.

"Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan kepada rawatan kecantikan holistik yang selamat dan beretika, khususnya teknik *gua sha*, sekali gus menyokong aspirasi pemeriksa belia dan pembangunan modal insan yang berkemahiran, berkualiti serta berdaya saing, malah membuka ruang kepada

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

belia-belie kita untuk membina keyakinan diri serta meneroka peluang kerjaya dan keusahawanan dalam industri kecantikan secara profesional," ujarnya.

Dengan kejayaan bengkel berkenaan, pihak JBS, Cawangan DBM dan juga Tatarias Pusat Belia berharap agar lebih ramai belia akan berkecimpung atau menceburi bidang kecantikan

secara profesional dan berinovasi dalam industri yang berkembang pesat ini.

Melalui bengkel berkenaan juga penekanan terhadap kepentingan pembangunan belia holistik dan berimpak tinggi adalah sejajar dengan aspirasi untuk melahirkan generasi belia yang berkemahiran, berdaya saing dan berinovasi dalam industri masa depan.



Bengkel Gua Sha Wajah diadakan di premis Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026
2. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026
3. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Bersama mengimarahkan masjid

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Masjid Hassan al Bolkiah Pekan Tutong

MASJID adalah rumah Allah, tempat yang suci, tempat umat Islam mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi mengerjakan ibadah semata-mata kerana-Nya. Masjid juga adalah lambang keagungan agama Islam dan tanda perpaduan umat Islam.

Perlulah diketahui bahawa peranan masjid sebenarnya bukan setakat tempat beribadat semata-mata seperti mengerjakan sembahyang fardu lima waktu, Sembahyang Fardu Jumaat dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, bahkan ianya lebih daripada itu. Oleh kerana itulah dalam usaha untuk mengembangkan agama Islam dan membangun ummah, perkara yang mula-mula sekali dilaksanakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa Baginda mula-mula sampai di Kota Madinah di dalam perjalanan hijrah Baginda ialah dengan mendirikan masjid.

Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, masjid berfungsi sebagai pusat ibadat iaitu tempat bersembahyang, membaca Al-Quran, bertadarus, mengutip zakat, beriktikaf, berzikir dan bermacam-macam lagi. Selain itu, masjid juga memiliki fungsi-fungsi yang lain antaranya sebagai pusat atau tempat pendidikan dan pengajaran, tempat pentadbiran, tempat bermesyuarat, sebagai perpustakaan, tempat pengadilan, tempat perkumpulan angkatan tentera bagi memulakan perjuangan dan mengatur strategi peperangan dan sebagai tempat membuat pemakluman kepada masyarakat.

Masjid dalam Islam

Baru-baru ini, Pelita Brunei berkesempatan menemui bual Ketua Imam Masjid Hassan al Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT), Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin terdahulu menjelaskan masjid dalam Islam berperanan sebagai institusi

utama dalam pembangunan ummah dan bukan sekadar tempat menunaikan ibadah semata-mata. Masjid menjadi pusat ibadah yang membina kekuatan rohani umat Islam melalui solat berjemaah, solat Jumaat dan pelbagai amalan keagamaan yang dapat memperkukuhkan akidah serta ketakwaan.

"Masjid juga berfungsi sebagai pusat pendidikan dan penyebaran ilmu dengan diadakan kelas pengajian Al-Quran, hadis, fiqh dan akhlak bagi semua peringkat umur, sekali gus melahirkan masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia. Masjid juga memainkan peranan penting sebagai pusat perpaduan dan sosial kerana ia menghimpunkan umat Islam tanpa mengira latar belakang, mengeratkan ukhuwah serta menjadi tempat perbincangan dan penyelesaian masalah masyarakat," tambahnya.

Di samping itu, jelas beliau lagi, masjid berperanan dalam aspek kemasyarakatan melalui pengurusan zakat, infak, sedekah dan wakaf. Masjid turut menjadi pusat dakwah dan kepimpinan yang membimbing masyarakat ke arah kehidupan yang berlandaskan ajaran Islam. Keseluruhannya, masjid merupakan jantung kehidupan umat Islam yang menyumbang kepada pembinaan ummah yang bersatu, beriman, berilmu dan seimbang dari segi dunia dan akhirat.

Pengimarahkan masjid tanggungjawab bersama

Pengimarahkan masjid bukanlah suatu yang mudah dan bukan hanya menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai masjid sahaja, namun komitmen Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid, Muslimah Masjid dan juga Belia dan Beliawanis Masjid juga amat penting dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak saja yang

bergerak secara sendiri.

Dalam mengulas mengenai perkara berkenaan, Awang Mohammad Waiz menyatakan Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan untuk tolong-menolong dalam kebaikan dan jangan tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan.

"Sering kali terdapat pemikiran bahawa masjid hanya perlu diuruskan oleh pegawai masjid, akan tetapi AJK dan para jemaah juga berperanan besar dalam menjayakan setiap program atau menentukan hala tuju masjid.

"Jika pegawai masjid dan keseluruhan jawatankuasa bekerjasama, impaknya akan lebih hebat dan tersusun. Cabaran semakin berubah di era ini, pendekatan yang diperlukan juga perlu bersikap progresif dan proaktif. Penggunaan media sosial juga amat diperlukan bagi mempelawa masyarakat mengenali masjid," ujar beliau.

Pelbagai program terus diperkasa

Di samping itu, Awang Mohammad Waiz juga mengongsikan antara program yang terus dilaksanakan di MHBPT ini termasuklah pendidikan seperti kuliah fiqh, akidah, taranum Al-Quran, kelas tajwid, tadabbur Al-Quran.

"Begitu juga diadakan inisiatif lain seperti penubuhan Kumpulan Sahabat Masjid iaitu sukarelawan terdiri dari kira-kira 20 jemaah masjid yang bertungkus-lumus memastikan masjid dalam keadaan bersih khususnya tandas masjid. Kumpulan ini membuat kempen kebersihan masjid sekali dalam seminggu.

"Kumpulan kedua ialah Komuniti Taman Harmoni kira-kira dalam 15 orang memfokuskan kepada melawakan taman masjid. Belia Masjid Ibadurrahman juga aktif membuat pelbagai program bagi menarik belia-belie ke masjid. Lebih-lebih lagi tahun ini, masjid akan menyambut jubli intan pembukaan MHBPT yang telah dirasmikan pada 26 Ogos 1966," jelasnya.

Menjaga adab

Dalam pada itu, Ketua Imam MHBPT turut menekankan mengenai antara adab yang perlu diperhatikan ketika berada di dalam masjid ialah menjaga kebersihan rumah Allah pada setiap ketika.

"Kebersihan merupakan sebahagian dari iman. Bahkan di setiap kitab fiqh, kebiasaannya dimulakan dengan kebersihan dan bersuci yang mengingatkan kita selaku orang Islam untuk menjadikan kebersihan suatu keutamaan.

"Ketika hendak memasuki masjid, bacalah doa dan susunlah selipar atau kasut dengan teratur. Kalau perkara kecil tidak dapat dibuat dengan teratur, apatah lagi perkara-perkara yang besar hendak dibuat dengan tersusun," tegasnya.

Beliau turut menambah bahawa anak-anak kecil perlu diajar sedari awal untuk membesarkan dan menghormati masjid. Adalah suatu perkara yang digalakkan untuk membawa anak-anak kecil ke masjid, walau bagaimanapun adalah tanggungjawab ibu bapa jualah untuk mengajarkan mereka untuk beradab di dalam masjid.

Berusahlah menggapai rahmat Allah Subhanahu Wata'ala

Di akhir temu bual, Awang Mohammad Waiz turut mengungkapkan harapan dan kata-kata nasihat untuk semua lapisan masyarakat Islam dalam sama-sama mengimarahkan masjid di negara ini, di samping dalam memperkasakan Negara Zikir bahawa apabila terjadi suatu masalah, bukanlah kita cepat menghukum akan tetapi fokuslah kepada solusi yang diperlukan.

"Masalah akan sentiasa ada, tetapi terpuang sama ada kita hanya menjadi penonton, pengkritik atau maju untuk menyelesaikan masalah bersama. Masjid bukan sekadar tempat solat, tapi tempat di mana rahmat Allah turun di bumi ini. Kita selaku penggerak masjid, berusahalah agar rahmat Allah yang turun di masjid ini turut dirasai keberkatannya ke sekitar masjid dan juga dapat dirasakan oleh penduduk di sekitarnya," ucapnya tulus.

TREN BAHARU DILANCARKAN DI LALUAN DENGAN PANORAMA INDAH DI JEPUN



YOKOHAMA, 17 Jan. - Syarikat tren Jepun Enoshima Electric Railway Co. yang popular dengan pemandangan indah pesisir laut sepanjang laluan dan lintasan kereta api yang sering ditampilkan dalam komik popular termasuk siri animasi Slam Dunk,

melancarkan tren baharu pada Jumaat yang akan mula beroperasi musim bunga ini (sekitar Mac).

Menurut Kyodo News, tren berkenaan, sebuah model siri 700, direka bentuk dengan sebahagian rak bagasi dialihkan

dan kerusi disusun semula serta pemegang diselaraskan bagi membolehkan penumpang menikmati pemandangan laut dari mana-mana tempat duduk.

Landasan itu menghubungkan antara Fujisawa dan Kamakura yang merupakan destinasi

popular bagi pelancong luar negara, yang terletak di bahagian selatan Wilayah Kanagawa berdekatan Tokyo.

Presiden syarikat itu Satoshi Kuroda berharap penumpang akan menikmati pengalaman menaiki tren dengan panorama

indah.

Jentera berkenaan merupakan tren baharu yang diperkenalkan syarikat itu selepas 20 tahun. - ©BERNAMA

Penerbangan langsung Persekutuan Rusia-Malaysia dilancarkan tahun ini

MOSCOW, 17 Jan. - Penerbangan langsung dari Persekutuan Rusia ke Malaysia akan dilancarkan tahun ini, kata Menteri Pengangkutan republik itu Andrey Nikitin dalam temu bual dengan Agensi Berita Rusia

TASS.

"Saya belum boleh umumkan laluan, tetapi pada 2026, ya, akan ada (pelancaran penerbangan)," katanya.

Terdahulu, Duta Malaysia ke Persekutuan Rusia Datuk

Cheong Loon Lai memberitahu TASS, Malaysia dijangka melancarkan perkhidmatan udara bersama Persekutuan Rusia pada separuh pertama 2026 dan rundingan kini dalam peringkat akhir. - ©BERNAMA

Seorang maut bas berlanggar dengan lokomotif di Hamburg

HAMBURG (Jerman), 17 Jan. - Seorang maut manakala beberapa yang lain cedera selepas sebuah lokomotif berlanggar dengan sebuah bas di bandar Hamburg, utara Republik Persekutuan Jerman, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) pada Jumaat yang memetik kenyataan bomba.

Jurucakap bomba berkata pemandu bas dilaporkan dalam keadaan kritikal manakala dua penumpang cedera parah. Seramai enam individu di dalam bas berkenaan turut mengalami kecederaan.

Polis berkata nahas itu berlaku di lintasan kereta api yang tidak dikawal di daerah Wilhelmsburg,

berhampiran pelabuhan bandar itu, pada petang Jumaat.

Kira-kira 40 anggota pasukan penyelamat dikerahkan ke lokasi kejadian dan kawasan itu ditutup buat sementara waktu.

Punca kemalangan masih belum dapat dipastikan buat masa ini. - ©BERNAMA

Republik Rakyat China, Kanada perbaharui perjanjian pertukaran mata wang

BEIJING, 17 Jan. - Bank Rakyat China (PBOC), bank pusat negara itu telah memperbaharui perjanjian pertukaran mata wang dua hala dengan bank pusat Kanada, Bank of Canada, lapor Xinhua.

Nilai pertukaran berkenaan adalah sebanyak 200 bilion yuan (kira-kira US\$28.5 bilion), menurut

kenyataan PBOC pada Jumaat.

Perjanjian berkenaan sah untuk tempoh lima tahun dan boleh diperbaharui atas persetujuan bersama, menurut kenyataan itu lagi.

Pembaharuan perjanjian pertukaran mata wang itu akan

membantu memperkukuh kerjasama kewangan antara kedua-dua negara, memperluas penggunaan matawang tempatan antara Republik Rakyat China dan Kanada, memudahkan perdagangan dan pelaburan dua hala, serta mengekalkan kestabilan kewangan. - ©BERNAMA

55 juta penduduk Afrika Barat, Tengah berisiko kebuluran teruk pada 2026 - PBB

GENEVA, 17 Jan. - Kira-kira 55 juta penduduk di Afrika Barat dan Afrika Tengah dijangka berdepan ketidakpastian makanan akut semasa musim lapar antara Jun hingga Ogos 2026, agensi makanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran pada Jumaat, memetik analisis keselamatan makanan serantau terkini, lapor Anadolu Ajansi.

Pengarah Analisis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Program Makanan Dunia (WFP) Jean Martin Bauer bercakap kepada wartawan di Geneva yangangka itu merangkumi individu yang diklasifikasikan berada dalam keadaan krisis, kecemasan atau bencana mengikut skala keselamatan makanan serantau.

Bauer berkata kira-kira tiga juta orang dijangka berdepan keadaan kecemasan, iaitu dua kali ganda

berbanding paras yang direkodkan pada 2020.

Buat pertama kali dalam tempoh sedekad, beberapa kawasan di timur laut Nigeria, khususnya di Negeri Borno, dijangka menyaksikan penduduk berada dalam tahap bencana ketidakpastian makanan, katanya.

"Ini adalah kumpulan yang hanya selangkah lagi ke arah kebuluran," katanya, sambil menjelaskan yang dianggarkan 15,000 orang di kawasan tertentu di Borno terjejas. Beliau memberi amaran yang kadar kematian di kawasan itu adalah "jauh melebihi paras normal" dan menyatakan secara terus terang yang "ramai orang sedang kebuluran".

Walaupun musim hujan terakhir agak membantu, Bauer menegaskan yang krisis itu bukan didorong oleh faktor iklim, sebaliknya berpunca daripada

keganasan dan pengurangan besar dalam pembiayaan bantuan kemanusiaan.

Beliau berkata WFP terpaksa menghentikan bantuan kepada kira-kira 300,000 kanak-kanak di Nigeria dan mungkin mengurangkan bantuan kepada setengah juta penduduk di Cameroon akibat kekurangan sumber.

Bauer berkata kira-kira 13 juta kanak-kanak di seluruh rantau itu berisiko pada 2026, sekali gus menekankan keperluan untuk mengutamakan program pemakanan.

WFP menganggarkan ia memerlukan US\$453 juta dalam tempoh enam bulan akan datang bagi mengekalkan bantuan penting dan mencegah kemerosotan lanjut dalam tahap pengambilan makanan serta penunjuk pemakanan kanak-kanak. - ©BERNAMA

Belanjawan setahun dijamin, gesa penubuhan tabung pembinaan semula

ISTANBUL, 17 Jan. - Ketua jawatankuasa pentadbiran Gaza berkata belanjawan bagi tempoh setahun disediakan oleh negara penderma bagi membolehkan jawatankuasa itu melaksanakan tugasnya, sambil menegaskan keperluan untuk menubuhkan tabung pembinaan semula antarabangsa, lapor Anadolu Ajansi.

"Jawatankuasa ini berusaha untuk mewujudkan tabung pembinaan semula dan bantuan di Bank Dunia," kata Ali Shaath, sambil menyifatkannya sebagai langkah penting bagi pemulihan Gaza, menurut Qahera News TV.

Shaath berkata matlamat jawatankuasa itu adalah "untuk memberi harapan kepada rakyat Palestin yang masih ada masa depan" dan objektif segera mereka adalah untuk membawa "senyuman ke wajah kanak-kanak, wanita dan lelaki di Gaza", lapor saluran itu. - ©BERNAMA

Republik Indonesia sasar pengurangan kemiskinan sebagai fokus utama 2026

JAKARTA, 17 Jan. - Kerajaan Republik Indonesia menetapkan pengurangan kadar kemiskinan sebagai fokus utama dalam dasar pembangunan nasional tahun ini, selaras dengan Rencana Kerja Pemerintah (RKP) 2026, lapor Agensi Berita ANTARA.

"Isu kemiskinan kini merupakan satu daripada isu keutamaan bagi kerajaan," kata Timbalan Perancangan Pembangunan Makro di Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional, Eka Chandra Buana, kepada ANTARA di sini, pada Jumaat.

Beliau berkata kerajaan sedang mempertingkatkan usaha untuk menyalurkan bantuan sosial dengan lebih berkesan melalui digitalisasi, yang disokong oleh Data Tunggal Sosio dan Ekonomi Nasional (DTSN).

Buana berkata kerajaan turut melancarkan Kad Kebajikan bagi memenuhi keperluan asas komuniti berpendapatan rendah, selain Kad Perniagaan Afirmatif yang dirangka untuk pemerksaan masyarakat termasuk latihan kemahiran dan peluasan akses kepada modal.

Bagi jangka masa sederhana hingga panjang, pembangunan sumber manusia dalam keluarga miskin diperkukuh menerusi program Makanan Berkhasiat Percuma (MBG) dan program sekolah tanpa yuran - Sekolah Rakyat, sebagai sebahagian daripada usaha memutus rantaian kemiskinan antara generasi.

"Bagi menunjukkan komitmen nasional, Presiden telah mengeluarkan Arahan Kepresidenan Nombor 8 Tahun 2025 mengenai Pengoptimuman Pengurangan Kemiskinan dan Pembasmian Kemiskinan Tegar, yang berfungsi sebagai asas untuk memperkukuh penyelarasan merentas kementerian dan agensi," katanya.

Menurut Buana, bencana banjir dan tanah runtuh yang melanda Wilayah Sumatera pada November 2025 telah memberikan cabaran tambahan kepada usaha mengurangkan kadar kemiskinan.

Bagi menangani perkara itu, kerajaan mengeluarkan Dekri Kepresidenan Nombor 1 Tahun 2026 mengenai Pasukan Petugas untuk Menyegerakan Pemulihan dan Pembangunan Semula Pasca Bencana di Sumatera.

Pasukan petugas ini melibatkan pelbagai kementerian dan agensi dengan tumpuan kepada pemulihan sosial dan ekonomi serta jaminan bekalan makanan yang berkait rapat dengan usaha mengurangkan kemiskinan.

"Dalam konteks ini, kerajaan bukan sahaja menyediakan keperluan asas bagi komuniti yang terjejas akibat bencana, malah turut menawarkan sokongan pemulihan ekonomi termasuk bantuan kepada penduduk yang kehilangan modal perniagaan akibat banjir di Sumatera," katanya. - ©BERNAMA



ROBOCOPS BERKUASA AI AMBIL ALIH TUGAS TRAFIK

HEFEI, 18 Jan. — "Demi keselamatan, sila kayuh basikal di lorong bukan bermotor," kedengaran satu suara memberi

amaran kepada seorang penunggang basikal yang membelok ke lorong kenderaan bermotor di sebuah persimpangan sibuk di Bandar Wuhu, wilayah Anhui, timur Republik Rakyat China.

Walau bagaimanapun, amaran itu bukan datang daripada pegawai trafik manusia,

sebaliknya daripada sebuah robot *humanoid* yang berdiri tegak di atas pulau keselamatan.

Dengan memakai pakaian seragam polis, jaket pemantul cahaya dan topi putih, pegawai robot itu yang dikenali dengan nombor lencana 'Intelligent Police Unit R001' kelihatan hampir menyerupai manusia dari jauh. Jika dilihat dari dekat, penampilan logam dan sikap futuristiknya telah menjadikannya tarikan tempatan, dengan pejalan kaki kerap berhenti untuk mengambil gambar pemandangan suasana ala *cyberpunk* itu.

"Ia adalah rakan sekerja baharu yang mampu membantu kami dengan berkesan," kata Jiang Zihao, seorang pegawai polis trafik di Wuhu.

Menurut Jiang, 'Intelligent Police Unit R001', iaitu sebuah robot penguatkuasaan trafik yang berasaskan Kecerdasan Buatan (AI), disepadukan dengan sistem isyarat trafik bandar. Ia boleh melaksanakan gerak isyarat arahan trafik standard yang diselaras dengan perubahan lampu isyarat.

Dilengkapi dengan kamera definisi tinggi dan sistem penyiaran suara pintar, robot ini menggunakan algoritma model berskala besar untuk mengenal pasti secara autonomi

pelanggaran trafik oleh kenderaan bukan bermotor dan pejalan kaki serta menyampaikan amaran di lokasi.

Selain tugas secara statik, robot ini juga mudah alih dan mampu bergerak secara bebas ke lokasi yang ditetapkan mengikut arahan. Keupayaannya juga termasuk mengenal pasti tempat letak kereta haram dan menjalankan pemantauan jalan raya masa nyata.

"Robot itu boleh berfungsi sepanjang masa," kata Jiang, sambil menyatakan bahawa ia dijangka dapat mengurangkan beban kerja polis, terutamanya semasa waktu puncak atau dalam keadaan cuaca yang ekstrem.

"RoboCop ini merupakan tambahan terbaharu kepada barisan pembantu trafik berkuasa AI Republik Rakyat China yang semakin berkembang.

Tahun lepas, beberapa bandar di Republik Rakyat China mula mengintegrasikan pegawai robotik ke dalam tugas kepolisian harian. Pada bulan Jun, bandar Chengdu di barat daya wilayah Sichuan telah mengerahkan satu pasukan pegawai polis robot, termasuk robot berkaki empat, robot beroda dan robot *humanoid*, untuk meronda jalanan bersama pegawai manusia.

Pada bulan Disember, sebuah robot penguatkuasaan trafik berkuasa AI juga telah bertugas di Hangzhou, wilayah Zhejiang, timur Republik Rakyat China.

Penggunaan robot-robot ini menggariskan usaha Republik Rakyat China yang lebih luas untuk membawa kecerdasan terwujud dan teknologi canggih lain ke aplikasi dunia sebenar.

Satu laporan oleh Pusat Penyelidikan Pembangunan Majlis Negara meramalkan bahawa skala pasaran industri kecerdasan terwujud Republik Rakyat China yang sedang berkembang pesat akan mencecah 400 bilion yuan (kira-kira USD57.1 bilion) pada tahun 2030 dan melebihi 1 trilion yuan pada tahun 2035.

"Hanya dengan membawa produk ke dalam senario kehidupan sebenar dan mengumpul data operasi sebenar, kita boleh mencapai pengulangan yang pantas," kata Zhang Guibing, pengurus besar AiMOGA Robotics, pengeluar 'Intelligent Police Unit R001'.

Zhang menambah bahawa robot syarikat itu telah pun digunakan dalam lebih 100 senario, termasuk perkhidmatan penerimaan, rondaan keselamatan dan perkhidmatan awam. - ©XINHUA



SEORANG pegawai robot dengan nombor lencana 'Intelligent Police Unit R001' dilihat sedang bertugas di Wuhu, wilayah Anhui, timur Republik Rakyat China.

Kebanyakan eksport makanan Republik Korea bertumpu kepada AS, Republik Rakyat China dan Jepun

SEOUL, 18 Jan. - Eksport produk pertanian dan makanan Republik Korea kekal tertumpu secara besar-besaran kepada pasaran Amerika Syarikat (AS), Republik Rakyat China dan Jepun, lapor agensi berita Yonhap pada Ahad.

Data terbaharu itu menekankan keperluan untuk mempelbagaikan pasaran bagi mengekalkan pertumbuhan industri berkenaan.

Menurut data daripada Perbadanan Perdagangan Agro-Perikanan & Makanan Korea, penghantaran ke luar negara produk pertanian dan barangan makanan mencecah rekod USD10.2 bilion pada 2025. Daripada jumlah itu, sebanyak 45.6 peratus adalah menuju ke tiga pasaran utama iaitu AS, Republik Rakyat China dan Jepun.

AS menduduki tempat pertama dengan import produk makanan Republik Korea bernilai USD1.8 bilion, merangkumi 17.5 peratus daripada keseluruhan eksport

makanan, diikuti Republik Rakyat China dengan perkongsian 15.4 peratus dan Jepun sebanyak 12.7 peratus.

Eksport ke Kesatuan Eropah (EU), termasuk United Kingdom, berjumlah USD773 juta atau 7.5 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala penghantaran ke negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar dan Oman merangkumi kira-kira empat peratus.

Sebagai tindak balas, kerajaan dan pihak industri telah mempergiat usaha untuk meneroka pasaran baharu.

Kementerian Pertanian melancarkan pasukan petugas awam-swasta pada Disember lepas bagi mengenal pasti produk strategik mengikut wilayah, mempromosikan projek penembusan pasaran serta meluaskan langkah sokongan untuk

pertumbuhan eksport.

Pihak berkuasa turut meningkatkan jangkauan kepada pembeli dari pasaran pesat membangun melalui perundingan perdagangan dwitahunan serta memperkukuh usaha pemasaran tempatan.

Kerajaan telah menetapkan lima negara termasuk Afrika Selatan dan Chile sebagai pasaran utama tahun lepas, dan memutuskan untuk memperluas senarai itu merangkumi Argentina, Qatar, Republik Turkiye, Ghana dan Republik India.

"Kami sedang berkembang ke bandar-bandar tahap kedua dan ketiga di AS, Republik Rakyat China dan Jepun, dan bukannya hanya tertumpu kepada bandar-bandar besar.

Kami juga berusaha untuk menggalakkan pertumbuhan di Timur Tengah dan Afrika sebagai pasaran strategik," kata seorang pegawai Kementerian. - ©BERNAMA

Peru lanjut tempoh darurat susulan kenaikan kes jenayah

LIMA, 18 Jan. - Kerajaan Peru melanjutkan tempoh darurat di Lima dan wilayah pelabuhan bersebelahan Callao selama 30 hari untuk mengekang jenayah dan aktiviti jenayah terancang, lapor Xinhua, memetik Pejabat Perdana Menteri pada Sabtu.

Kabinet juga meluluskan pelanjutan langkah itu selama 60 hari di wilayah utara Tumbes dan Zarumilla, serta di Trujillo dan Viru di wilayah La Libertad.

Di bawah dekri tersebut, pihak berkuasa boleh menyekat hak perlembagaan buat sementara waktu berkaitan kebebasan peribadi, hak pencerobohan kediaman, serta kebebasan berhimpun dan bergerak. Polis Nasional akan terus mengawasi keselamatan dalam dengan sokongan daripada angkatan tentera.

Kerajaan berkata bahawa pelanjutan itu adalah sebahagian daripada strategi keselamatan yang lebih luas, bertujuan untuk memperkukuh keselamatan awam dan mengurangkan insiden jenayah di kawasan berisiko tinggi. - ©BERNAMA

Abu Dhabi dinobatkan bandar paling selamat di dunia untuk tahun ke-10 berturut-turut

ABU DHABI, 18 Jan. - Abu Dhabi mengekalkan kedudukannya sebagai bandar paling selamat di dunia untuk tahun ke-10 berturut-turut sejak 2017, menurut laporan antarabangsa yang dikeluarkan oleh Numbeo, antara pangkalan data kos sara hidup terbesar di dunia dan sumber global untuk data kualiti hidup.

Kedudukan teratas yang dikekalkan ini menekankan kepimpinan global Abu Dhabi dalam mengukuhkan keselamatan, kestabilan dan kualiti hidup, serta menonjolkan kedudukan emirat itu sebagai

destinasi antarabangsa utama untuk didiami, bekerja dan pelaburan, lapor Agensi Berita Emiriah (WAM).

Leftenan Jeneral Ahmed Saif bin Zaitoon Al Muhairi, Ketua Komander Polis Abu Dhabi, berkata, "Pencapaian ini adalah hasil visi kepimpinan yang bijaksana dan sokongan berterusan Presiden UAE Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan, digabungkan dengan pendekatan institusi yang bersepadu serta usaha gigih anggota Polis Abu Dhabi sepanjang masa'.

Beliau menyatakan bahawa usaha itu diperkukuh oleh strategi

proaktif yang canggih, penggunaan teknologi moden dan Kecerdasan Buatan secara pintar, serta perkongsian komuniti yang teguh yang mewakili barisan pertahanan pertama dalam menjaga keselamatan dan kestabilan masyarakat.

"Strategi ini mencerminkan pendekatan komprehensif berdasarkan pembangunan keupayaan manusia, memperkukuh perkongsian institusi, dan memperkasakan komuniti melalui kesedaran dan penyertaan, di samping pelaburan berterusan dalam teknologi canggih dan sistem

pintar yang menyokong pembuatan keputusan serta meningkatkan keselamatan awam.

"Satu pendekatan yang sejajar dengan amalan terbaik global dan mencapai tahap jaminan komuniti yang tertinggi," tegas beliau.

Mejar Jeneral Sheikh Mohammed bin Tahnoun Al Nahyan, Pengarah Jabatan Polis Abu Dhabi, berkata, "Kedudukan global yang dicemburui ini melambangkan kejayaan visi kepimpinan yang mantap yang meletakkan keselamatan manusia sebagai teras pembangunan mampan.

"Visi ini telah menyumbang kepada pembinaan persekitaran yang selamat dan menarik untuk

didiami, bekerja dan pelaburan serta telah mengukuhkan kedudukan Abu Dhabi sebagai model global terkemuka dalam keselamatan bandar dan kualiti hidup."

Beliau menambah, "Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen Emirat dan Polis Abu Dhabi untuk meneruskan perjalanan pembangunan dan inovasi, bergerak dengan yakin ke arah masa depan yang lebih selamat dan mampan yang meletakkan manusia sebagai teras dasar serta projek, selain meningkatkan keyakinan penduduk dan pelawat terhadap tahap sistem keselamatan serta perkhidmatan kepolisan yang maju." - ©BERNAMA

PWBD ADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Januari. - Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2025 Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam (PWBD) yang diadakan bersempena Majlis Perhimpunan Tahun Baharu 2026 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Mawar, Mulia Hotel, pagi tadi.

Mesyuarat bermula dengan ucapan alu-aluan dan perasmian oleh Presiden PWBD, Lim Boon Hwa.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan penghargaan kepada semua ahli atas sokongan serta komitmen berterusan yang diberikan terhadap persekutuan.

Dalam kesempatan tersebut, beliau turut menekankan kepentingan Kejohanan Wushu Remaja Dunia yang akan

berlangsung di Tianjin, Republik Rakyat China, yang disifatkan sebagai antara kejohanan peringkat remaja terbesar dan paling berprestij di dunia.

Beliau menjelaskan bahawa kejohanan tersebut juga berfungsi sebagai platform kelayakan ke Sukan Olimpik Belia (Youth Olympic Games - YOG) di Dakar, di mana atlet-atlet cemerlang akan dipilih untuk mewakili negara masing-masing.

Menurutnya, penyertaan dalam kejohanan ini membuka peluang penting kepada atlet muda untuk memperoleh pendedahan antarabangsa serta bersaing merebut tempat ke temasya Sukan Olimpik Belia.

Seterusnya, pengesahan minit mesyuarat terdahulu telah disahkan oleh Soon Seng Lee dan Tan San Hock bagi memastikan kesinambungan serta ketelusan dalam tadbir urus persekutuan.

Mesyuarat kemudiannya diteruskan dengan pembentangan Laporan Setiausaha oleh Setiausaha PWBD, Ang Ju Ming. Laporan tersebut merangkumi hal ehwal pentadbiran, penganjuran



PRESIDEN Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam (PWBD) semasa berucap di Mesyuarat Agung Tahunan 2025 PWBD di Bilik Mesyuarat Mawar, Mulia Hotel (atas), sementara gambar bawah kiri, sebahagian daripada yang hadir di mesyuarat berkenaan.

kejohanan, aktiviti latihan serta perkembangan persekutuan sepanjang tahun.

Lim Boon Hwa kemudiannya membentangkan Laporan Kewangan bagi tahun 2025 yang memberikan gambaran mengenai prestasi kewangan persekutuan, diikuti dengan pembentangan laporan daripada Cawangan

Daerah Wushu.

Mesyuarat diakhiri dengan jamuan tengah hari, yang turut menjadi platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli serta menyemarakkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam meneruskan agenda persekutuan pada tahun mendatang.



DPMM FC tewaskan Kelantan Red Warrior FC 2-0



DPMM FC berjaya meraih kemenangan setelah beraksi cemerlang menentang Kelantan Red Warrior FC pada perlawanan Piala Malaysia 2025 / 2026 di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Dua jaringan DPMM FC dihasilkan oleh Muhammad Ramadhan Sananta pada minit ke-31 dan Awang Muhammad Syafiq Ahmad pada masa tambahan.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Tangkap Layar RTBGo

KELANTAN, Sabtu, 17 Januari. - DPMM FC mempamerkan aksi terbaik selepas berjaya menewaskan Kelantan Red

Warrior FC dengan jaringan 2 - 0 pada perlawanan Piala Malaysia 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.



Sepuluh masa pertama menyaksikan DPMM FC memulakan permainan dengan baik dan memberi tekanan kepada Kelantan Red Warrior FC melalui serangan bertali arus menggagalkan pertahanan lawan.

Gawang Kelantan Red Warrior FC digegarkan melalui sepakan Muhammad Ramadhan Sananta pada minit ke-31 selepas menerima umpanan daripada Pengiran Yura Indera Putera bin Pengiran Yunus menjadikan kedudukan 1 - 0.

Memasuki separuh masa kedua, Kelantan Red Warrior FC terus melancarkan serangan namun

gagal untuk melepasi gawang yang dikawal terus oleh Penjaga Gol DPMM FC, Awang Haimie Nyaring.

Namun, DPMM FC lebih menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan untuk menambah jaringan dan memberikan tekanan kepada pasukan Kelantan Red Warrior FC.

Awang Muhammad Syafiq Ahmad menjadi wira pasukan DPMM FC apabila menambah lagi jaringan pada masa tambahan menjadikan kedudukan 2 - 0.

Kedudukan 2 - 0 kekal hingga ke wisel penamat.



WALKATON CERMINKAN SEMANGAT PERPADUAN, GAYA HIDUP SIHAT



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir melancarkan acara walkaton bersempena dengan Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Majlis Perundingan Kampung dan Biro Wanita Kawasan II Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri (atas kiri), manakala gambar atas kanan, sesi senamrobik diadakan sebelum pelepasan walkaton tersebut.

MENTIRI, Ahad, 18 Januari. - Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi disemarakkan dengan penganjuran acara walkaton yang dikendalikan bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan II Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri.

Hadir pada walkaton tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan selaku Ketua Kampung Belimbing yang seterusnya melancarkan walkaton sejauh tiga

kilometer bermula dan berakhir di rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan II, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohd. Nizam bin Haji Julaihi.

Sebelum pelepasan walkaton, para peserta menyertai sesi senamrobik yang diketuai oleh Awang Haji Hamidon.

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung Kawasan II, RPN Kampung Mentiri melahirkan rasa bangga atas sambutan dan penyertaan yang menggalakkan daripada penduduk termasuk golongan belia, wanita dan

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kawasan II Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri

warga emas yang mencerminkan semangat perpaduan serta kesedaran terhadap gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan acara tersebut sambil menyeru agar aktiviti kemasyarakatan seumpama itu akan terus diperkasakan pada masa akan datang

sebagai jambatan untuk membantu mengeratkan silaturahmi penduduk dan menyemai nilai-nilai keagamaan, kesihatan dan kerjasama dalam komuniti.

Beliau turut berharap agar Sambutan Israk dan Mikraj akan menjadi pengajaran dan peringatan kepada umat Islam untuk terus menghayati peristiwa agung tersebut serta mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Piala Malaysia : Peluang masih terbuka buat Imigresen FC

BATU KAWAN, 18 Jan. - Peluang masih terbuka buat pasukan Imigresen FC (IFC) untuk bersaing dalam Piala Malaysia selepas mengikat Negeri Sembilan FC (NSFC) pada perlawanan pertama, malam tadi.

Ketua Jurulatih IFC Yusri Che Lah berkata pasukan perlu bekerja lebih keras dengan persiapan rapi menjelang perlawanan timbal balik di Paroi pada 25 Januari ini, bagi memastikan tempat ke pusingan seterusnya bagi pasukan yang kali pertama membuat penampilan dalam kancan Piala Malaysia.

"Kita tahu Piala Malaysia adalah satu kejuaraan yang diidamkan semua pasukan dan mampu mencipta sejarah besar sekiranya berjaya melakukan sesuatu membanggakan, terutamanya buat pasukan Imigresen yang baru bermula musim ini dan kali pertama beraksi.

"Jadi saya rasa pasukan saya perlu

bekerja lebih keras dan tidak boleh berpuas hati dengan keputusan hari ini kerana seri bukanlah sesuatu yang kita inginkan. Dalam saingan Piala Malaysia, jaringan amat penting kerana ia akan meletakkan kita pada kedudukan lebih baik untuk melangkah ke pusingan seterusnya," katanya pada sidang media selepas perlawanan di Stadium Negeri Pulau Pinang di sini, malam tadi.

Pengendali berusia 50 tahun itu berkata tekanan tinggi yang diberikan pasukan lawan pada awal perlawanan menyebabkan pemainnya hilang punca, sebelum kembali menemui rentak selepas minit ke-30 termasuk berjaya menjaringkan gol, namun dibatalkan kerana kedudukan ofsaid.

Mengenai perlawanan kedua nanti, Yusri berharap pemainnya lebih peka serta bersedia dari segi mental dan emosi, khususnya berdepan suasana stadium yang dijangka dipenuhi penyokong tuan

rumah.

"Kami tidak biasa beraksi di hadapan kehadiran penyokong yang ramai dan ini mungkin kali pertama berdepan situasi sedemikian apabila menentang Negeri Sembilan. Jadi saya mengharapkan pemain lebih bersedia serta mampu menyesuaikan diri dengan keadaan dan tekanan perlawanan.

"Selain itu, berdasarkan tiga perlawanan terakhir mereka tanpa jaringan, kami akan cuba memberikan tekanan di Paroi nanti. Saya juga memberi keyakinan kepada pemain bahawa sekiranya perlawanan berakhir dengan keputusan sama selepas 90 minit, kami bersedia untuk membawa aksi ke masa tambahan dan seterusnya penentuan sepakan penalti," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih NSFC Nidzam Jamil berkata keputusan seri tanpa jaringan itu sebagai adil selepas pasukannya tewas dua perlawanan liga

berturut-turut sebelum ini kepada Johor Darul Ta'zim (JDT) FC dan Selangor FC.

Beliau enggan menjadikan faktor keletihan sebagai alasan meskipun terpaksa melakukan penggiliran pemain dan berharap pasukannya mampu bangkit dengan persembahan lebih bertenaga apabila beraksi di laman sendiri.

"Sudah tentu kami mahu pulang dengan kemenangan 1 - 0 atau 2 - 0, namun kita juga perlu menghormati Imigresen yang memberi ancaman melalui penyerang mereka seperti Wilmar Jordan Gil serta pemain sayap Eduardo Sosa.

"Kita terpaksa buat penggiliran lima hingga enam pemain sebab tujuh hari tiga perlawanan ini sebenarnya mencabar kalau skuad tak cukup besar namun, selepas berdepan JDT dan Selangor, saya rasa keputusan 0 - 0 ini adalah adil. Fokus selepas ini ialah untuk perlawanan di tempat sendiri," katanya. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SAMA-SAMA IMARAHKAN MASJID DI NEGARA INI, PERKASAKAN NEGARA ZIKIR